

**WAYANG KULIT: SATU KAJIAN BIOGRAFI PAK USOP
DAN PAK NASIR SEBAGAI PEWARIS ILMU
PERDALANGAN HAMZAH AWANG AMAT**

NUR AINUL AKMAL BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI
JABATAN PENGAJIAN WARISAN
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN

2011

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang maha pengasih lagi maha penyayang serta selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan juga ahli keluarganya supaya sentiasa dicucuri rahmat olehNya.

Syukur alhamdullillah ke hadrat ilahi dengan izin rahmat dan hidayatNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan 1 dan projek penyelidikan 2 tanpa mengalami sebarang masalah. Sepanjang penglibatan saya dalam menyiapkan projek penyelidikan 1 dan 2 ini, saya telah mendapat kerjasama, sumbangan dan bantuan dari segi nasihat, sokongan moral dan sebagainya daripada pelbagai pihak. Setinggi-tinggi perhargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya iaitu YM Raja Iskandar Bin Raja Halid yang sudi mengambil saya berada di bawah bimbingan beliau. Beliau juga telah banyak membantu saya dalam menghasilkan kertas kerja yang sempurna tanpa ada kesalahan. Tidak dilupakan juga jutaan terima kasih kepada dua orang tokoh tok dalang yang dikaji iaitu Pak Usop dan juga Pak Nasir kerana sudi meluangkan masa membantu serta memberi maklumat tentang projek penyelidikan yang dikaji.

Selain itu, ribuan terima kasih juga kepada Shahrayanis Binti Sapi-in, Mohd Azamruddin Bin Alias dan Mohd Roziman Bin Salleh kerana bekerjasama dengan saya dalam menyiapkan kertas kerja. Mereka juga sanggup bertungkus lumus menemani saya dalam mencari maklumat tentang tajuk yang dikaji. Penghargaan dan jutaan terima kasih yang teristimewa kepada ahli keluarga saya terutama sekali ibu bapa saya, Abdullah Bin Hassan dan Siti Meriam Binti Dollah yang telah banyak

memberi dorongan serta galakan kepada saya. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sama-sama bertungkus lumus dalam menyiapkan projek penyelidikan 1 dan 2 ini.

Tidak dilupakan juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya sepanjang tempoh menyiapkan projek penyelidikan ini, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua. Semoga sumbangan mereka mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Nur Ainul Akmal Binti Abdullah



ABSTRAK

Seni persesembahan wayang kulit sangat popular serta dikenali oleh masyarakat Melayu. Ia juga salah satu hiburan yang terkenal di negeri-negeri Pantai Timur Malaysia. Di Kelantan ia dipanggil wayang kulit Siam manakala di negeri-negeri sebelah utara pula terdapat wayang gedek. Wayang kulit Jawa atau lebih dikenali sebagai wayang kulit purwa yang berasal dari Indonesia. Ianya dimainkan oleh orang-orang berketurunan Jawa yang tinggal di Johor. Suatu masa dahulu, terdapat wayang kulit Melayu atau wayang Jawa yang wujud untuk hiburan bagi orang-orang bangsawan sahaja di Kelantan atau Kedah. Pada masa kini, wayang kulit Kelantan hanya menjadi hiburan dan tontonan oleh pelancong-pelancong asing dan juga masyarakat Melayu. Kemajuan yang dicapai dalam bidang hiburan seperti radio, televisyen, kaset, CD dan pelbagai lagi telah membuka peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan hiburan dimana sahaja mereka suka. Arus pemodenan telah menyebabkan wayang kulit ini ditenggalami kepupusan.

Penulisan ini membincangkan tentang dua orang tokoh tok dalang wayang kulit iaitu Pak Usop dan juga Pak Nasir. Mereka merupakan tokoh tok dalang yang dikenali ramai dan berguru dengan orang yang sama iaitu arwah Pak Hamzah. Dalam penulisan ini juga, ia membincangkan sejarah hidup mereka, bagaimana ilmu perdalangan disampaikan, perbandingan diantara mereka dan sebagainya. Faktor-faktor ini sedikit sebanyak telah membuka minda orang ramai tentang penting seseorang tok dalang dalam mengekalkan wayang kulit daripada terus mendapat penghargaan daripada orang ramai.

ABSTRACT

Puppets performing arts are very popular and known by the Malay community. It is also one of the famous entertainment in states east coast of Malaysia. In the state it is called Siam puppets while in the northern states, there were “**wayang gedek**”. Javanese shadow puppets,better known as “**wayang purwa**” aoriginating from Indonesia. It is played by people of Javanese descent who live in Johor. In the past, there are puppets, Malay or Japanese wayang exists for entertainment for the aristocracy only in Kelantan or Kedah. At present, only a shadow of Kelantan entertainment and viewing by foreign tourists as well as the Malay community. The progress achieved in the field of entertainment such as radio, television, cassettes, CDs and all sorts of new opportunities for the public to seek entertainment wherever they like. Modernization has resulted in this shadow ditenggalami extinction.

This paper discusses the two shadow figures behind the noise of Pak Pak Usop and Nasir. They are the noise figure behind the well-known and studied with the same person is deceased, Pak Hamzah. In these works, he discusses the history of their lives, how knowledge perdalangan presented, comparison between them and others. These factors have opened some people's minds about the importance of a noise behind the shadow play of maintaining continued to receive recognition from the public.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Penghargaan.....	iii
Abstrak.....	v
Abstract.....	vi
 <u>BAB 1</u> 	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar belakang kajian.....	3
1.2.1 Kelantan.....	3
1.2.2 Tumpat.....	5
1.2.3 Penduduk.....	7
1.2.4 Ekonomi.....	9
1.3 Penyataan masalah.....	9
1.4 Objektif kajian.....	11

1.5	Skop kajian.....	12
1.6	Kekangan kajian.....	13
1.7	Kepentingan kajian.....	14
1.8	Kesimpulan.....	16

BAB 2

2.1	Kajian literature.....	18
-----	------------------------	----

BAB 3

3.1	Pengenalan Kajian Metodologi.....	29
-----	-----------------------------------	----

3.1.1	Perpustakaan.....	29
--------------	-------------------	----

3.1.2	Kajian lapangan.....	30
--------------	----------------------	----

3.1.3	Kaedah temubual.....	31
--------------	----------------------	----

3.1.4	Kaedah pemerhatian.....	32
--------------	-------------------------	----

3.1.5	Penggunaan kamera dan rakaman.....	33
--------------	------------------------------------	----

3.1.6	Sumber internet.....	34
--------------	----------------------	----

BAB 4

4.1	Pengenalan.....	35
4.2	Biografi Pak Usop.....	35
4.3	Tok Dalang.....	40
4.4	Keistimewaan Tok Dalang Pak Usop.....	44
4.5	Anugerah Penghargaan.....	53
4.6	Biografi Pak Nasir.....	54
4.7	Susur Galur Dalam Menjadi Tok Dalang.....	55
4.8	Kelebihan Tok Dalang.....	60
4.9	Pengalaman Kerja.....	63
4.10	Anugerah.....	66
4.11	Pengalaman muzik.....	67
4.12	Method Dalam Mempelajari Ilmu Tok Dalang.....	70
4.12.1	Pemerhatian.....	70
	4.12.1.1 Percakapan Wayang.....	70

4.12.2	Tubik Wayang Dan Perang Wayang.....	71
4.13	Pembelajaran.....	71
4.14	Bakat Semulajadi.....	73
4.15	Perbincangan.....	74

BAB 5

5.1	Kesimpulan.....	75
5.2	Bibliografi.....	85

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

	Senarai Gambar	Muka Surat
1.1	Peta Kelantan	5
1.2	Peta Tumpat	7
4.1	Keluarga Pak Usop	39
4.2	Kumpulan Cahaya Kampung Laut (2)	44
4.3	Pelancong Dari Jepun	46

4.4	Pelancong Dari Russia	47
4.5	Contoh Patung Yang Dibuat Oleh Pak Usop	49
4.6	Pohon Beringin Dan Hanuman Kera Putih	50
4.7	Karen (1930)	51
4.8	Maharaja Batok	52
4.9	Pak Nasir Dengan Sing Ong Sue	55
4.10	Panggung Pak Nasir Di Aswara	62
4.11	Penglibatan Pak Nasir Dalam Wayang Kulit	64
4.12	Persembahan Wayang Kulit Pak Nasir	65
4.13	Gambar Kenangan Pak Nasir	66
4.14	Hanuman Kera Putih Milik Pak Nasir	72
4.15	Patung Si Dewi	73

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Seni persembahan merupakan salah satu seni yang agak penting dalam menjalani kehidupan seharian masyarakat Melayu di negara kita. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu memandang serius terhadap harta warisan dan mereka bertungkus lumus dalam mengekalkannya. Antara contoh seni persembahan Melayu yang terdapat di negara kita adalah seperti wayang kulit, mak yong, dikir barat, main puteri, menora dan banyak lagi. Salah satu seni persembahan Melayu yang tertua dikenali ramai adalah wayang kulit. Wayang kulit merupakan salah satu bentuk seni teater yang tertua di Timur (Mohd Ghous Nasaruddin,1989). India, Indonesia dan Malaysia merupakan negara-negara yang mempunyai bentuk seni persembahan wayang kulit secara berbeza-beza dan di setiap negara-negara ini mempunyai lebih daripada satu bentuk wayang kulit. Sebagaimana yang kita ketahui, asal usul sesuatu seni persembahan Melayu ini sememangnya masih samar-samar. Mengikut beberapa pandangan pengkaji barat, mereka menyatakan bahawa wayang kulit ini berasal dari negara India. Terdapat beberapa cendekiawan yang bersetuju serta menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan sememangnya wayang kulit ini berasal daripada India. Perkara ini dilihat pada bentuk-bentuk di Asia Tenggara menceritakan tentang epik Hindu, Ramayana dan Mahabharata. Berbeza pula pendapat Hazeu

(2000) yang mengatakan wayang kulit ini berasal dari Jawa. Hal ini demikian kerana terdapat perkataan Jawa kuno yang digunakan dalam wayang Purwa.

Terdapat empat jenis wayang kulit di Malaysia. Antaranya adalah seperti wayang Jawa, wayang Melayu, wayang Kelantan dan akhir sekali adalah wayang Gedek. Wayang Jawa dan wayang Melayu mempunyai struktur dan teknik yang sama. Wayang kulit Kelantan juga dikenali sebagai wayang kulit Siam. Ianya merupakan hasil daripada orang-orang kampung di Kelantan. Wayang kulit ini juga terdapat di Malaysia Utara dan di Selatan negeri Thailand. Pada masa kini, wayang kulit ini akan dikenali dan terdapat di mana-mana sahaja. Hal ini kerana, terdapat segelintir orang Kelantan yang suka berhijrah terutamanya di Bandar Kuala Lumpur. Kebiasaannya cerita-cerita wayang kulit Kelantan diceritakan dengan menggunakan bahasa loghat Kelantan dan ada juga yang dicampur dengan Bahasa Malaysia. Cerita asal wayang kulit ini adalah mitos Ramayana. Ianya juga dikenali sebagai Cerita Maharaja Rawana.

Kajian ini berfokuskan tentang dua orang tokoh Tok Dalang iaitu pewaris kepada Pak Hamzah. Dua orang yang dimaksudkan adalah Pak Usop dan Pak Nasir. Che Mohd Nasir bin Yusoff atau lebih dikenali sebagai Pak Nasir. Beliau berumur 52 tahun dan berasal dari kampung Bunuhan, Tumpat Kelantan. Pak Nasir mendapat tunjuk ajar daripada beberapa tokoh seni yang terkemuka seperti arwah Pak Soh Tok Minduk (Guru main puteri), arwah Mahmud Tok Payung (Guru mak yong) dan arwah Pak Hamzah Awang Hamat (Guru wayang kulit). Tokoh dalang yang seterusnya

adalah Pak Usop. Nama sebenar beliau adalah Yusoff bin Mamat. Beliau berumur 60 tahun dan berasal daripada Kampung Laut, Kelantan. Pak Usop juga mendapat tunjuk ajar daripada tokoh seni yang terkenal. Antaranya adalah arwah Pak Hamzah Awang Hamat dan Yusof Hassan iaitu guru wayang kulit. Kajian ini juga melihat daripada aspek latar belakang, sejarah dan sebagainya.

Tok Dalang merupakan orang yang terpenting dan berperanan besar dalam persembahan Wayang Kulit. Dia adalah orang yang bertanggungjawab dalam menghidupkan watak-watak patung wayang kulit. Tok Dalang haruslah seorang yang berkemahiran dalam menyampaikan cerita dengan mengikut alunan muzik. Beliau juga haruslah pandai mengubah suara mengikut watak patung yang dipersembahkan. Terdapat dua jenis Tok Dalang iaitu Tok Dalang Darat dan Tok Dalang Hilir. Tok Dalang Darat merupakan dalang yang terlalu berlebihan dalam menyampaikan sesuatu cerita dalam persembahan wayang kulit. Manakala Tok Dalang Hilir pula seseorang yang sentiasa menyeimbangkan persembahan mengikut kehendak penonton.

1.2 Latarbelakang Kajian

1.2.1 Kelantan

Kelantan Darul Naim atau nama pendeknya Kelantan merupakan sebuah negeri daripada 14 buah negeri di Malaysia yang kaya dengan sumber asli. Negeri Kelantan ini mempunyai keluasan lebih kurang $14,922 \text{ km}^2$ dan ianya terletak di timur

laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini berhadapan dengan Laut China Selatan dan bersempadan dengan Thailand. Kelantan ialah sebuah negeri pertanian yang mempunyai banyak kawasan tanaman padi dan perkampungan nelayan.

Nama "Kelantan" diambil daripada perkataan "gelam hutam" iaitu nama Melayu bagi pokok Melaleuca leucadendron. Ada juga yang mengatakan bahawa namanya datang daripada perkataan "kilatan" atau "kolam tanah". Selain itu, negeri Kelantan juga dikenali dengan nama Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang dan serambi mekah pada masa dahulu.

Kelantan merupakan tempat pertama di Malaya yang ditakluk oleh Jepun yang menyerangnya pada 8 Disember 1941. Semasa pendudukan Jepun, Kelantan sekali lagi dikawal oleh Siam, tetapi selepas kekalahan Jepun pada Ogos 1945, Kelantan kembali kepada pemerintahan British. Kelantan menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 dan bersama-sama dengan negeri lain, mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada 16 September 1963, Kelantan menjadi salah satu daripada negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia.



Rajah 1.1: Peta Kelantan

Sumber: <http://www.malaysia-maps.com>

1.2.2 Tumpat

Tumpat merupakan sebuah Bandar yang utama di negeri Kelantan. Bandar ini terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Bharu iaitu ibu negeri Kelantan. Tumpat juga merupakan salah satu daripada 10 jajahan pentadbiran di negeri Kelantan yang terdiri daripada Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Tumpat terletak di hujung

Landasan Pantai Timur yang dijalankan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM). Lokasi strategik ini menjadikan Tumpat pusat pengangkutan utama di Kelantan.

Tumpat bermaksud tammat atau penyudah sesuatu tetapi bagi perkataan Melayu. Selain itu juga, Tumpat juga membawa makna sesuatu ruang kosong yang penuh berisi. Melalui pandangan atau cerita orang-orang lama dan tua, Tumpat telah terbina sejak 190 tahun yang lalu. Barang-barang keperluan terpaksa dibawa dari Kota Bharu tanpa jalan perhubungan yang sempurna dan jika ada barang keperluan yang ingin dibawa keluar terpaksa menggunakan sampan. Pelabuhan ini semakin sibuk apabila pada awal kurun pemerintahan, British telah membawa beberapa pembaharuan yang membolehkan pengangkutan lebih besar keluar masuk.

Sebelum ini sebanyak 300 dan 400 tan pengangkutan yang mampu berlabuh tetapi selepas daripada pembaharuan tersebut, terdapat lebih banyak pengangkutan yang dapat singgah sebelum meneruskan perjalanan ke pelabuhan Singapura. Ketua pelabuhan yang pertama ialah William Kerr iaitu seorang pegawai Inggeris dalam Perkhidmatan Awam Siam. Beliau ditempatkan di negeri Kelantan sebelum tahun 1909 yang datang dari Bangkok. Potret beliau telah digantung pada dinding Kelab Tumpat. Tumpat mempunyai 5 buah pulau kecil iaitu Tanjong Dato, Tanjong Pak Jah, Tanjong Che Mas, Tanjung Che Tahir dan Tanjung Rulah yang terletak di kawasan Kuala Sungai Kelantan di sebelah barat. Setiap satunya terletak berdekatan antara satu sama lain.



Rajah 1.2: Peta Tumpat

Sumber: www.mapnegerikelantan.com.my

1.2.3 Penduduk

Penduduk dalam Jajahan Tumpat dianggarkan kira-kira 140,989 orang, terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penduduk berbangsa Melayu merupakan kaum majoriti iaitu kira-kira 128,864 orang diikuti oleh kaum Cina dan India masing-masing dengan 2,382 orang dan 983 orang. Manakala penduduk berketurunan Siam dianggarkan kira-kira 8,009 orang.

Secara amnya, walaupun hidup dalam satu komuniti pelbagai bangsa namun, penduduk Tumpat memiliki semangat kejiraninan yang tinggi di samping menjalani gaya hidup sederhana serta saling hormat-menghormati sejajar dengan nilai warisan nenek moyang yang mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Tumpat dikelilingi oleh beberapa buah kampung berhampiran antaranya, Kampung Dalam Rhu, Kampung Tanjung Kuala, Kampung Besut, Kampung Kola Bedullah, Kampung Tanjung Che Mas dan Kampung Baru Nelayan. Hampir keseluruhan kampung-kampung ini dihubungkan melalui kemudahan jalan raya berturap. Dengan adanya kemudahan sedemikian, secara tidak langsung membantu penduduk untuk menjalinkan hubungan baik dengan penduduk kampung sekitar yang lain.

Majlis-majlis perayaan dan keraian merupakan waktu yang dinantikan oleh penduduk untuk berkumpul bersama-sama. Misalnya pada upacara “Lai-Lai Katong” iaitu satu perayaan bagi masyarakat Buddha yang biasa diadakan pada antara akhir November dan awal Disember. Ia secara tidak langsung mampu memupuk jalinan mesra antara penduduk berbilang bangsa kerana kemakmuran sesebuah negara adalah bergantung pada sejauh mana kemantapan dan keutuhan hubungan setiap lapisan masyarakatnya. Hubungan erat merupakan ciri-ciri masyarakat yang berkualiti. Masyarakat berkualiti bukan sahaja dapat mewujudkan suasana harmoni dan aman sesama sendiri, bahkan menjadi aset paling penting kepada negara dalam usaha membangun dan memajukan negara baik ketika senang maupun susah.

1.2.4 Ekonomi

Rata-rata penduduk dalam kawasan Jajahan Tumpat meraih pendapatan sebagai kakitangan kerajaan atau bekerja di sektor swasta iaitu sama ada bekerja sendiri ataupun bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Selain itu, terdapat juga penduduk yang menjadikan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan isi keluarga. Tanaman padi dibahagikan kepada dua pengelolaan kawasan pengairan iaitu di bawah KADA dan di bawah seliaan Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Oleh kerana Tumpat terletak berhampiran sungai, tidak hairanlah sekiranya sektor perikanan turut menjadi salah satu mata pencarian bagi penduduk Tumpat.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa masalah yang timbul. Hal ini akan menyebabkan seni persembahan Melayu iaitu wayang kulit semakin dilupakan dan tidak mendapat perhatian oleh masyarakat Melayu. Antara masalah yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji adalah seperti seni persembahan Melayu iaitu wayang kulit semakin pupus dan tidak dikenali ramai. Selain itu, masalah lain yang timbul dalam kajian ini adalah kekurangan bahan di dalam bidang yang ingin dikaji iaitu latar belakang pewaris wayang kulit Kelantan.

Masalah utama yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji adalah seni persesembahan Melayu iaitu wayang kulit semakin pupus dan tidak dikenali ramai. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan timbulnya masalah tersebut. Wayang kulit semakin dilupakan serta tidak dikenali ramai kerana masyarakat pada masa kini hanya tahu mengejar arus pemodenan. Disebabkan sibuk mengejar arus pemodenan itu, masyarakat kita pada hari ini tidak mengenali serta menghargai harta warisan yang ada di negara kita. Mereka juga tidak mengetahui tentang keunikan dan keindahan yang terdapat pada harta warisan terutamanya wayang kulit. Golongan muda juga menjadi faktor terjadinya masalah kepupusan seni persesembahan iaitu wayang kulit. Hal ini kerana golongan muda pada kini hanya berminat kepada benda-benda yang canggih. Contohnya melayari internet, bermain playstation, membeli-belah, menonton wayang dan banyak lagi. Bagi mereka harta-harta warisan yang ada di negara ini tidak mempunyai nilai serta keunikan yang boleh dibanggakan.

1.4 Objektif

Terdapat beberapa objektif yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji. Antaranya adalah kajian ini adalah untuk mengkaji dua orang tokoh tok dalang iaitu Pak Usop dan Pak Nasir. Kajian ini akan berfokuskan kepada latar belakang, sejarah dan ilmu perdalangan. Pak Usop dan Pak Nasir ini merupakan pewaris kepada arwah Hamzah Awang Amat. Hal ini kerana mereka menuntut ilmu perdalangan daripada orang yang sama iaitu Pak Hamzah. Kedua-dua tok dalang ini masih lagi mengamalkan ilmu yang diperoleh daripada Pak Hamzah.

Selain itu, objektif lain yang dapat dikenalpasti adalah untuk mengkaji konsep ilmu perdalangan dan bagaimana ilmu ini disampaikan. Menurut Pak Usop tanggungjawab tok dalang sangat besar dalam seni persembahan wayang kulit. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa peranan penting yang perlu diamalkan oleh seseorang tok dalang. Antaranya adalah seseorang tok dalang perlulah mengetahui segala pertuturan yang digunakan, mempunyai kesabaran yang tinggi, bersikap baik dan pelbagai lagi. Ilmu perdalangan ini akan disampaikan secara yang berbeza-beza. Bagi Pak Usop, ilmu perdalangan yang disampaikan sangat berbeza daripada tok dalang yang lain. Hal ini demikian kerana Pak Usop tidak menggunakan jampi serapah dalam persembahan wayang kulit.

Seterusnya adalah untuk melihat sejauh manakah pengekalan tokoh wayang kulit dalam perkembangan masyarakat Melayu yang menuju ke arah pemodenan. Sebagaimana yang kita ketahui, tokoh tok dalang sangat jarang dan sukar ditemui. Hal ini kerana generasi muda tidak mahu meneruskan serta mengekalkan ilmu perdalangan ini. Disebabkan itu, ilmu perdalangan ini hanya ada pada orang-orang yang tahu menghargai khazanah warisan kita. Contohnya seperti Pak Hamzah, Pak Usop, Pak Nasir, Pak Mat, Pak Husin dan sebagainya.

1.5 Skop

Kajian ini meliputi kepada seni persembahan wayang kulit Kelantan. Ianya berfokuskan di sekitar kawasan Kelantan. Pengkaji akan meneliti tempat-tempat yang ingin dibuat kajian serta mempunyai banyak bahan rujukan. Kajian dilakukan di kawasan negeri Kelantan sahaja. Ianya merangkumi beberapa daerah iaitu Gelang Mas, Tumpat dan di Kampung Laut. Daerah Gelang Mas, Tumpat, pengkaji akan menemuramah Pak Nasir serta menanyakan beberapa soalan yang ada kaitan dengan kajian. Antaranya adalah tentang latar belakang beliau, cara penyampaian ilmu perdalangan, dan hal-hal yang berkaitan dengan seni persembahan wayang kulit. Manakala di daerah Kampung Laut, pengkaji akan menemuramah Pak Usop iaitu selaku tok dalang. Pengkaji akan menanyakan soalan yang sama kepada Pak Usop seperti yang ditanyakan kepada Pak Nasir.

Ruang lingkup kajian ini adalah mengkaji dua orang tokoh Tok Dalang atau lebih dikenali sebagai pewaris kepada Pak Hamzah. Pewaris yang dimaksudkan adalah Che Mohd Nasir bin Yusoff atau lebih dikenali sebagai Pak Nasir dan Yusof bin Mamat yang lebih dikenali sebagai Pak Usop. Kedua-dua merupakan tok dalang yang sangat terkemuka serta dikenali ramai. Pengkaji mengkaji tentang keistimewaan yang ada pada mereka yang bergelar sebagai seorang tok dalang. Hal ini kerana seseorang tok dalang mempunyai pelbagai keunikan serta kehebatan yang tersendiri. Selain itu juga, terdapat rahsia-rahsia dalam ilmu perdalangan yang diamalkan.

1.6 Kekangan Kajian

Setiap kajian yang ingin dilakukan semestinya mempunyai beberapa kekangan kajian atau lebih dikenali sebagai masalah-masalah yang dihadapi oleh seseorang pengkaji. Melalui kajian ini, terdapat beberapa kekangan kajian yang dapat dikenalpasti iaitu kekurangan bahan rujukan di perpustakaan, masalah pengangkutan, kesulitan dalam mencari tok dalang dan kesukaran mencari tempat kajian.

Masalah yang utama adalah kekurangan bahan rujukan di perpustakaan. Perkara ini dapat dilihat apabila kurangnya buku-buku yang memaparkan tentang tokoh-tokoh Tok Dalang wayang kulit di Kelantan. Perkara ini juga akan memberikan sedikit tekanan kepada pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan.

Selain itu, masalah lain adalah dari segi pengangkutan. Perkara ini dapat dilihat apabila pengkaji tidak mempunyai pengangkutan sendiri dan perlu mengajak seseorang untuk dijadikan pemandu. Masalah ini akan menguji tahap kesabaran yang tinggi kerana terpaksa menyusahkan orang lain dalam menyiapkan kajian yang dikaji.

Kesulitan dalam mencari tok dalang juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh pengkaji. Hal ini kerana ramai tokoh tok dalang berkongsi pengalaman yang ada dengan mengajar di institusi pengajian tinggi. Contohnya Pak Usop mengajar di UiTM Puncak Alam manakala Pak Nasir di ASWARA. Perkara ini akan menyebabkan pengkaji sukar dalam menemuinya. Selain itu juga, tok dalang yang ada di Kelantan begitu terhad dan tidak ramai.

Seterusnya adalah kesukaran mencari tempat kajian. Perkara ini dapat dilihat apabila pengkaji begitu sukar dalam mencari tempat kajian. Hal ini kerana kebanyakkan tok dalang tinggal di kawasan perkampungan dan ada juga yang berhijrah ke bandar.

1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan semestinya mempunyai kepentingan-kepentingan yang tertentu. Melalui kajian ini, kepentingan yang dapat dilihat ialah kajian ini penting dalam menyampaikan khazanah warisan orang Melayu iaitu persembahan wayang kulit. Dengan adanya kajian seperti ini, masyarakat Melayu dapat mengetahui serta mengenali tokoh-tokoh tok dalang yang ada di negeri Kelantan. Contohnya tok dalang yang terkenal iaitu Pak Hamzah. Kemungkinan masyarakat kita pada hari ini tidak mengetahui siapa di sebalik nama Pak Hamzah. Dengan adanya kajian yang berkaitan dengan pewaris kepada Pak Hamzah, mereka akan dapat mengetahui kesemua tokoh yang mereka tidak kenali itu. Tetapi terdapat juga masyarakat yang

hanya tahu nama-nama mereka, namun mereka tidak mengetahui dengan lebih mendalam tentang kehebatan mereka.

Selain itu juga, kajian ini dapat memberi kepentingan kepada generasi muda yang akan datang apabila ianya dijadikan sebagai sumber rujukan yang penting. Perkara ini dapat dilihat apabila ada segelintir generasi muda yang ingin membuat kajian tentang benda tinggalan sejarah. Dengan adanya buku-buku ini, mereka akan lebih mudah dalam menyempurnakan kerja-kerja penyelidikan. Di samping itu, dengan adanya sumber-sumber rujukan berikut, golongan muda akan menjadi lebih bersemangat serta ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang asal usul harta khazanah yang ada di negeri Kelantan.

Kepentingan kajian terhadap persembahan wayang ini adalah boleh dijadikan sebagai sumber hiburan serta dapat mengisi masa lapang. Perkara ini dapat dilihat apabila masyarakat kampung pada masa dahulu menggunakan masa yang lapang dalam bermain permainan tradisi ini. Contohnya setelah mereka penat bekerja, mereka akan mengisi masa lapang dengan melakukan benda-benda yang berfaedah. Mereka juga boleh mendapatkan hiburan dalam kehidupan mereka. Tidaklah mereka kebosanan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Manakala bagi golongan muda pula, mereka mungkin mempunyai keinginan untuk mencuba dalam membuat persembahan wayang kulit. Di situ, barulah mereka dapat mengetahui tentang kehebatan seni persembahan wayang kulit.

Selain itu juga, persembahan ini dapat berfungsi sebagai satu semangat setiakawan serta dapat mengeratkan silaturrahim dengan lebih dekat lagi. Dengan itu, ia dapat menjalankan satu ikatan yang mesra dalam masyarakat. Melalui persembahan ini juga, wujud semangat bekerjasama antara satu sama lain. Perkara ini dapat dilihat apabila adanya sesuatu persembahan. Ia juga berperanan sebagai satu unsur yang dapat melakar corak kehidupan masyarakat yang harmoni, damai dan sempurna.

1.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, walaupun seni persembahan wayang kulit ini tidak mendapat perhatian orang ramai, namun bukan bermakna ia tidak disukai ramai. Perkara ini dapat dibuktikan apabila ada sesetengah persembahan wayang kulit yang mendapat sambutan ramai. Hal ini demikian kerana seni persembahan wayang kulit ini berkembang bukan sahaja di Malaysia, namun di negara-negara luar seperti di Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, Russia dan banyak lagi.

Seni persembahan wayang kulit ini dapat melahirkan sikap bekerjasama, persefahaman dan yang paling penting dapat melahirkan pemikiran yang sihat. Hal ini kerana, persembahan ini dapat membuat tok dalang serta pemain-pemain muzik menggunakan pemikiran yang tersendiri dalam memperolehi sesuatu persembahan yang menarik.

Arus pemodenan telah menyebabkan persesembahan ini semakin dipinggirkan. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pendedahan serta pemahaman terhadap seni persesembahan wayang kulit ini. Pemodenan yang dikehjarnya telah menyebabkan tradisi yang dimiliki oleh orang Melayu ditelan zaman. Wayang kulit ini haruslah dipelihara agar harta warisan ini tidak mengalami kepupusan. Kajian yang dilakukan ini dapat memberikan satu semangat kepada pengkaji untuk terus mengekalkannya dan diturunkan kepada generasi yang akan datang. Dengan itu, khazanah warisan ini haruslah dihargai kerana ia merupakan sesuatu yang amat bernilai bagi masyarakat Melayu.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian berkaitan wayang kulit telah banyak dilakukan oleh para sarjana dari dalam dan luar negara (Malm, 1976; Amin Sweeney, 1976, Matusky, 1992, Ghulam Sarwar, 2003). Kajian terawal telah dilakukan oleh Amin Sweeney di mana beliau telah mendokumentasikan persembahan wayang kulit Kelantan. Beliau juga ada membuat kajian tentang persembahan wayang kulit yang menyentuh tentang kejatuhan tok dalang. Berdasarkan kajian beliau, bilangan tok dalang, merosot pada penghujung tahun 1960-an yang mendapat terdapat lebih 300 orang dalang. Namun, jumlah tersebut semakin merosot dari masa ke semasa kepada 37 orang pada 1982, turun kepada 25 orang pada 1988 dan 11 orang pada 1999.(Utusan Malaysia,3 Disember 2007). Hal ini berlaku kerana terdapat sesetengah masyarakat melayu menilai seni persembahan wayang kulit ini bercanggah dengan ilmu agama islam. Disebabkan itu, ramai ulamak yang tidak bersetuju serta mengharamkan persembahan wayang kulit ini di negeri Kelantan. Melalui pendapat para ulamak ini, wayang kulit mengandungi unsur-unsur pemujaan serta ayat jampi yang diragui. Terdapat beberapa acara yang dipersembahkan dalam wayang kulit mengikut kemahuan dan juga keperluan masyarakat. Antaranya adalah seperti acara menyembah guru, mengubat orang sakit, upacara memuja semangat, semasa pesta menuai atau lebih dikenali sebagai pesta kampung, perayaan harijadi Raja-raja dan sebagai hiburan semata-mata (Kementerian Kebudayaan, 2003).

Kajian terhadap muzik wayang kulit Kelantan telah dilakukan oleh Matusky. Melalui kajian beliau, muzik wayang kulit telah dirakam dan dinotasikan. Antara kandungan-kandungan yang dikaji oleh Matusky adalah alat-alat muzik wayang kulit Kelantan, tanda khas dalam notasi dan lagu-lagu wayang kulit (Matusky, 1998). Hal ini demikian kerana, salah satu syarat untuk diterima sebagai murid ialah individu berkenaan haruslah pandai memainkan sekurang-kurangnya satu alat muzik yang digunakan dalam persembahan wayang kulit ini. Alat-alat muzik memainkan peranan yang penting dalam menghidupkan serta menjadikan wayang kulit sebagai persembahan yang menarik. Hal ini demikian kerana muzik berperanan menyediakan atau membentuk suasana seperti suasana yang ghaib dan juga yang luar biasa. Selain itu juga, muzik ini digunakan sebagai alat untuk berdamping dengan kuasa-kuasa ghaib yang ada kaitan dengan pementasan wayang kulit. Ia juga dijadikan sebagai satu alat untuk mengumumkan permulaan wayang kulit serta menarik para penonton. Peranan lain yang dikenalpasti dalam muzik ini adalah digunakan untuk menanda adegan serta babak dan untuk menetapkan suasana tiap-tiap satu adegan. Satu lagi peranan penting muzik ini adalah digunakan untuk mengiringi lagu-lagu yang dinyanyikan oleh seseorang tok dalang. Antara alat muzik yang digunakan dalam persembahan wayang kulit adalah seperti geduk, gedombak, gendang, gong, canang, kesi dan serunai.

Salah satu biografi tok dalang yang ditulis oleh Zainal Jaslan terbitkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia melalui bukunya “Hamzah Awang Amat Tokoh Seniman Negara (2003)”. Melalui buku tersebut, Amin Sweeney berpendapat Hamzah berpotensi untuk menandingi kehebatan gurunya

berbanding dengan dalang-dalang lain yang sebaya dengannya. Kajian Sweeney seterusnya adalah kajian yang dibuat selepas kematian Awang Lah dengan menyatakan Hamzah sebagai dalang tunggal yang mewarisi tradisi klasik. Perkara ini turut disokong oleh Barbara Wright yang membuat kajian tentang perbandingan tentang wayang-wayang kulit di Malaysia pada akhir 1970an. Wright juga menyatakan Hamzah sebagai pewaris tradisi klasik. Kenyataan ini diperkuuhkan lagi oleh hasil kajian Ghulam-Sarwar Yousof pada awal tahun 1990-an yang turut memperakui Hamzah sebagai pewaris tunggal (ms.14).

Sebagai pewaris tradisi klasik seseorang dalang boleh mempersempahkan kesemua cerita pokok wayang kulit dan untuk tujuan berkenaan dalang tersebut mengambil masa selama sebulan. Tok dalang juga terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan. Setiap langkah seharusnya dirancang dengan penuh ketelitian dan teratur. Proses pembelajaran seni perdalangan wayang kulit juga agak rumit kerana pembelajaran ini menuntut suatu ketabahan serta ketekunan yang kuat. Jika ada seseorang yang ingin menjadi dalang teater, ia memerlukan masa selama sepuluh tahun untuk menguasai sepenuhnya seni berkenaan. Selain itu, menurut Ghulam-Sarwar Yousof, cerita-cerita Makyung diambil dari Menora ataupun dipinjamkan dari cerita-cerita Wayang Kulit dan daripada cerita Bangsawan. Perkara ini akan menunjukkan bahawa seni persembahan melayu ada mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Kemungkinan ada di antaranya yang menggunakan ciri-ciri yang sama. Contohnya penggunaan alat muzik ataupun jalan cerita. Dalang ini adalah seorang manusia yang berbakat alam. Hal ini kerana dalang memahami kehendak audien yang

pelbagai lapisan kaum serta memiliki pemikiran berbeza. Seorang dalang yang cetek keilmuan dunia tidak berupaya mengungkap pelbagai masalah dan persoalan dalam menonjolkan setiap watak di pentas wayang kulit. Isu sosial, isu politik dan keagamaan dimainkan dalam persembahannya. Persembahan tersebut semestinya sentiasa bernafas baru iaitu mengikut perkembangan isu semasa dan disulami dengan cerita-cerita rekaan ataupun mengenai sejarah yang sedia ada.

Cerita wayang kulit boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu cerita pokok dan cerita ranting. Cerita pokok adalah himpunan cerita yang disadur dari Ramayana, tradisi India dan ianya mengisahkan pertarungan di antara dua musuh utama, Seri Rama dan Maharaja Wana. Manakala, cerita ranting pula merupakan kisah pengembaraan wira yang panjang dan cerita ini dimulai dengan kematian Maharaja Wana iaitu di tangan Seri Rama. Dalam cerita-cerita rantinglah kreativiti dalang-dalang tempatan terserlah. Hal ini demikian kerana, kebanyakan cerita-cerita tidak terdapat pun dalam tradisi Ramayana India. Cerita-cerita tersebut diturunkan oleh guru dengan mulut kepada anak muridnya dan proses ini telah berlaku sejak berzaman lamanya.

Dalam proses pembelajaran murid hanya didedahkan kepada sebilangan kecil cerita ini. Seorang guru tidak akan menurunkan keseluruhan cerita kecuali kepada murid yang dianggapnya berkebolehan. Jadi murid yang tidak berjaya, iaitu gagal menunjukkan kecemerlangan, akan meninggalkan gurunya untuk belajar dengan guru lain mahupun menukar haluan ke bidang lain. Terdapat juga, segelintir individu yang mengambil jalan mudah dalam mendalami seni pendalangan. Mereka ini terdiri

daripada murid tercicir mahupun penonton yang kerap menonton persembahan wayang kulit. Golongan ini akan membuat persembahan dengan cara mencipta sendiri cerita-cerita wayang kulit. Apabila persembahan itu sudah sebat dengan diri mereka, mereka akan mengisyiharkan diri sebagai murid seorang guru yang agung. Namun, khalayak dapat menentukan keaslian yang disampaikan oleh mereka. Pertama, cerita-cerita rekaan mereka cenderung untuk menyimpang dari jalan cerita asal. Kedua, penonjolan unsur asing yang banyak dalam cerita, termasuk penggunaan patung-patung yang memakai perhiasan barat. Ketiga, persembahan mereka amat terbatas kerana golongan ini tidak berupaya mempersembahkan kesemua cerita klasik. Alasan inilah yang menyebabkan mereka digolongkan oleh khalayak sebagai dalang tiruan. Walaupun persembahan dalang tiruan diterima oleh khalayak ramai tetapi sanjungan penonton tetap kepada dalang yang mewarisi tradisi klasik kerana ketrampilannya menghafal serta mempersembahkan kesemua cerita wayang. Hamzah Awang Amat mewarisi tradisi ini dan paling menganggakan adalah beliau merupakan satu-satunya pewaris tradisi klasik.

Di dalam buku Seni Lagu dan Permainan Tradisi (1990), wayang kulit disebut sebagai salah satu seni lakon dalam kesenian lama di Malaysia. Ianya tidak manusia menggunakan watak manusia secara langsung dan merupakan satu bentuk yang istimewa dalam teater tradisi yang bercorak seni lakon sejagat. Di Malaysia, terdapat empat jenis wayang kulit iaitu wayang kulit Kelantan, wayang kulit Melayu, wayang kulit Gedek dan wayang kulit Purwa. Perkataan ‘wayang’ berasal daripada perkataan ‘bayang’ iaitu diambil daripada akar kata ‘ayang-ayang’. Ianya membawa maksud

bayangan, tirai ataupun ‘kelir’ dalam bahasa Jawa. Orang yang memainkan peranan penting dalam wayang kulit adalah tok dalang. Tok dalang inilah yang mempunyai tanggungjawab dalam menggerakkan patung-patung wayang kulit mengikut watak masing-masing.

Tok dalang ini juga seharusnya mengetahui segala pertuturan yang tertentu iaitu tentang tatasusila, bahasa yang digunakan serta pandai dalam menyusun cerita. Beliau juga pandai dalam menyampaikan tujuan serta maksud cerita kepada para penonton dan tahu membahagikan masa, irama, dan tahu menjiwai wayang yang dipersembahkan. Terdapat keistimewaan yang tersendiri dalam diri seseorang tok dalang iaitu beliau boleh duduk mendalang selama satu hari atau satu malam dengan tidak berubah daripada tempat bersilanya.

Terdapat kajian berkaitan wayang kulit (Malm, 1976) Ghulam-Sarwar, 1999) Matusky, 1980; Osnes, 2010). Menurut Dr. Amin Sweeney (1980) dalam bukunya “the Ramayana and the Malay Shadow Play”, beliau ada mengatakan:

“A good dalang is sensitive to his audience atmosphere and will vary his presentation in accordance. Laughter during comedy, cheering during battle and silence during serious drama are signs of approval. When, however a considerable part of the audience begins to talk this is a sign for the dalang to change course Booing or loud offensive comments from the audience are

almost unheard of a muttered “Ala senyenyek”(oh its monotonous) or “Nyanyi pula”(not more singing) will have their effect on a sensitive dalang.”

Selain itu, Imam Syaafie (767-819M) ada mencipta syair yang ada kaitan dengan wayang kulit. Syairnya menyebut:

“Aku melihat wayang kulit adalah ibarat yang amat besar bagi orang-orang yang telah tinggi dalam ilmu hakikat, dimana patung-patung dan baying-bayangnya melintas (pada kelir) kemudian menghilang, semuanya binasa, yang kekal hanya dalang” (ms. iv)

Encik Mohd. Noor Haji Mahmud, dia belajar bermain wayang daripada seorang dalang Siam yang bernama Idia Chia sebagai perantis di Changloon, Thailand pada tahun 1949. Beliau juga merupakan kumpulan Seri Asun di Kedah dan menjadi tok dalang wayang Siam. Melalui buku Wayang Kulit Di Malaysia (1980), G. Bagus Sugriwa ada menerangkan tentang kepercayaan leluhur di Indonesia terhadap cerita wayang: “Ada di antaranya yang menganggap ceritera Mahabharata dan Ramayana kejadian atau terjadi di Indonesia sebagai riwayat leluhur sendiri” (ms. 8). Hal ini kerana wayang merupakan sebuah karya akal budi manusia di Indonesia yang merupakan warisan budaya yang tidak nyata serta mengandungi nilai-nilai kemanusiaan yang luar biasa. Wayang kulit Indonesia sememangnya unik kerana ianya meliputi seni drama, seni muzik, seni suara, seni sastera dan seni rupa. Wayang ini hadir serta kewujudannya yang kuat dari segi estetika, etika dan juga falsafahnya. Selain itu juga, wayang dalam kehidupan masyarakat Indonesia bukanlah sekadar

kesenian yang memberikan hiburan, namun merupakan sesuatu yang abstrak daripada reality kehidupan manusia yang wujud dalam pelbagai simbol tokoh wayang kulit, cerita, alat pertunjukan dan orang yang memainkan peranan penting dalam mempersembahkannya iaitu dalang.

Pada 23hb-25hb. April 1979 di Port Dickson, satu bengkel wayang kulit telah diadakan (Kementerian Pelancongan, 1980). Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan usaha ke arah penggalakan dan pembangunan teater wayang kulit sebagai satu teater tradisional Malaysia yang mempunyai identiti sendiri, menggalakkan kegiatan perdalangan dan muzik wayang kulit serta mutunya, memperkenalkan falsafah dan pemikiran dalam wayang kulit dan mengenalpasti bahasa serta fungsi dalam cerita. Hal ini demikian kerana seni persembahan wayang kulit pada masa kini tidak lagi mendapat perhatian daripada masyarakat pada masa kini. Terdapat beberapa faktor yang dapat dikenalpasti berlakunya kemerosotan dalam wayang kulit ini, iaitu masalah kandungan wayang kulit dan juga masalah penyampaiannya. Kandungan wayang kulit, terutamanya cerita-cerita yang digunakan yang sentiasa berasaskan kepada epik Ramayana ataupun Mahabharata serta cerita-cerita Jawa yang digunakan pada abad yang lamanya tidak lagi dianggap sesuai bagi semangat pada zaman sekarang. Disebabkan itu, terdapat dua perkara yang dikemalpasti iaitu penonton telah pun merasa bosan dengan cerita-cerita tersebut dan dengan semangat permainan yang mungkin berasingan daripada kebudayaan Melayu moden. Seterusnya adalah cerita-cerita tersebut tidak sesuai untuk golongan kanak-

kanak dan juga golongan remaja moden di Malaysia walaupun unsur-unsur komik masih lagi menarik perhatian mereka.

Selain itu, dari segi masalah penyampaian adalah diberi keutamaan kepada sistem latihan dalang-dalang, pemain-pemain muzik serta pengukir-pengukir patung yang digunakan menjelang beberapa abad yang lalu. Ianya adalah berasaskan kepada konsep pendidikan yang agak tertutup ataupun sulit. Hal ini bermakna pengetahuan atau ilmu seseorang hanya diberikan kepada anaknya sendiri ataupun kepada penganut-penganut yang tertentu yang kecil bilangannya. Disebabkan itu, pengetahuan seseorang dalang sentiasa tidak dapat diperturunkan jika seseorang dalang itu tidak mempunyai anak ataupun pengikut yang ingin mempelajari pengetahuan tersebut. Dengan itu, hilanglah pengetahuan serta ilmu beberapa orang dalang yang tidak ada lagi yang dapat dipelajari oleh orang lain.

Melalui bengkel ini, Dr. Ghulam Sarwar (1979) ada menyatakan usaha ke arah penggalakan dan pengembangannya mestilah diimbangi oleh keupayaan perubahan, penyesuaian dan penciptaan. Menurut beliau lagi, kesemua aspek ini mestilah disokong oleh latihan, penyelidikan dan tanggapan yang seharusnya. Sesetengah masyarakat ada berpendapat, apabila wayang kulit dihubungkan dengan falsafah dan pemikiran, ia akan menimbulkan sesuatu perasaan yang mengadakan benda yang tiada. Berlainan pula dengan Nakula (1979), beliau menjelaskan bahawa dengan adanya pementasan cerita dewa-dewa wayang kulit, nenek moyang kita hendak menyakinkan bahawa selama mana zaman manusia hidup dalam alam kejadian, jika

mereka berasal dari alam hakikat, mereka bersama alam kejadian akan binasa seluruhnya dan kembali semula ke alam hakikat.

Wayang kulit sebagai teater tradisional adalah pancaran hati dan perasaan masyarakat Melayu tradisional. Ia bukan semata-mata sebagai alat hiburan,tetapi yang lebih penting adalah gambaran sikap, nilai, norma, hati budi dan konsep hidup serta kepercayaan pemikiran masyarakat pada waktu.Walaupun pandangan masyarakat Melayu telah berubah kini dalam sistem kepercayaan dan nilai budayanya, namun pengaruh dan keyakinan mereka masih lagi menular dalam bentuk yang lain pula, iaitu berubah kepada nilai-nilai individualistik akibat pengaruh budaya barat. Persembahan wayang kulit masih lagi boleh diminati oleh golongan-golongan yang tertentu. Hal ini kerana untuk menarik lebih banyak penonton untuk melihat persembahan wayang kulit ini, ia mestilah dimainkan cerita-cerita yang lebih menarik dan menggunakan bahasa yang standard yang boleh difahami oleh penonton-penonton. Selain itu juga, persembahan ini haruslah ditingkatkan setaraf dengan televisyen. Persembahan wayang kulit yang terlalu panjang hendaklah disesuaikan untuk keperluan penonton dimana masa kini konsep waktu, begitu pendek dan padat.

Namun terdapat pendapat yang tidak mahu bahasa loghat wayang kulit tidak diubah dan seharusnya dikekalkan. Orang yang dimaksudkan adalah Pak Dalang Hamzah. Menurut beliau bahasa dalam wayang kulit sememangnya sesuatu yang tidak mustahil kalau diubah tetapi sejauh mana perubahan itu dilakukan adalah sesuatu yang perlu diambil kira. Beliau juga merasakan kurang bijak jika perubahan

yang berlaku itu akan merubah sama sekali keunggulan tradisi wayang kulit sebagai satu kesenian rakyat. Beliau juga ada menyarankan jika ada yang perlu diubah dalam seni persembahan wayang kulit, terdapat beberapa perubahan yang perlu dilakukan. Perubahan yang dimaksudkan adalah beberapa istilah yang kurang lengkap. Contohnya dalam wayang kulit Kelantan yang mempunyai beberapa istilah yang kurang lengkap. Pak Hamzah juga menolak jika alat-alat muzik mengalami perubahan.

Perubahan dalam masyarakat itu adalah sesuatu yang mesti kerana masyarakat itu sendiri tidak tentu sifatnya malah dalam agama sendiri ada menyatakan hidup kita sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Pada dasarnya wayang kulit diperbuat daripada daun-daun dan dimainkan di dinding-dinding rumah kerana pada masa itu, belum ada lagi kelir. Tetapi tujuannya adalah sama sebagai satu perbuatan yang memperlihatkan sesuatu bahawa hidup manusia ini dikendalikan oleh satu kuasa lain. Kemudian barulah wayang ini diperbaharui, dan segala perubahan adalah sesuatu yang mesti tetapi dengan syarat tidak berubah pada dasarnya.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kajian perpustakaan, kajian lapangan yang termasuk kaedah temubual, pemerhatian, penggunaan kamera dan rakaman serta sumber daripada internet. Pengkaji telah menggunakan buku, internet, menemuramah dan juga pemerhatian sebagai medium kajian tajuk tersebut. Kajian yang menggunakan buku-buku, pengkaji telah pergi ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan juga di Perpustakaan Awam Kelantan di Kota Bharu. Rekabentuk kajian ini diklasifikasikan sebagai penyelidikan kualitatif. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang tokoh-tokoh Tok dalang yang masih ada di negeri Kelantan. Kajian ini juga untuk meninjau sejauh mana tahap ilmu perdalangan yang dipelajari oleh tokoh-tokoh tok dalang. Dalam kajian ini, segala maklumat dikumpulkan serta diproses.

3.1.1 Kajian Perpustakaan

Sebelum memulakan kajian di luar, iaitu dengan membuat kajian di beberapa tempat seperti kampung Laut dan juga di kampung Bunuhan, Tumpat Kelantan, pengkaji telah melakukan kajian tersebut di perpustakaan. Perpustakaan yang dipilih adalah di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan di Perpustakaan Awam Kelantan iaitu di Kota Bharu. Pengkaji telah menggunakan sebaik mungkin buku-buku dan juga artikel-artikel yang dipilih. Buku dan artikel tersebut mestilah

mempunyai kaitan dengan tajuk yang ingin dikaji iaitu seni persembahan wayang kulit dan tokoh tok dalang. Antara buku-buku yang menjadi pilihan pengkaji adalah seperti *Seni Lagu dan Permainan Tradisi, Siri Permainan Tradisional Melayu : Permainan Wayang Kulit, Angin Wayang: Biografi Dalang Wayang Kulit Yang Unggul: Hamzah Awang Amat, The Shadow Puppet Theatre of Malaysia, Malaysian Shadow Play and Music: Continuity Of An Oral Tradition* dan *Wayang Kulit Malaysia. Kuala Lumpur.*

Melalui buku-buku yang ditemui, pengkaji telah mendapat gambaran awal tentang asal usul wayang kulit dan juga ilmu perdalangan. Selain mendapatkan maklumat dari perpustakaan, pengkaji juga mendapatkan maklumat yang lebih terperinci di dalam laman web yang berkaitan tentang seni persembahan wayang kulit.

3.1.2 Kajian Lapangan

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dibuat oleh pengkaji. Dalam melengkapkan kajian tentang tokoh tok dalang ini pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah. Antaranya adalah kajian lapangan yang merangkumi kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Kaedah ini memainkan peranan penting dalam menyiapkan sesuatu kajian serta ia wajib digunakan oleh seseorang pengkaji. Pengkaji telah membuat kajian di Kampung Laut, Tumpat Kelantan. Pengkaji juga telah menemuramah seorang tokoh tok dalang yang terkemuka iaitu Pak Usop. Menurut Pak Usop, seni persembahan wayang kulit telah lama bertapak di negeri Kelantan. Ianya bermula di negeri Siam dan seterusnya berkembang ke negeri Kelantan. Pak Usop juga mempunyai kepakaran yang tersendiri dalam menjadi tok dalang yang

disegani ramai. Kepakaran dalam bermain wayang kulit adalah diwarisi ketika berumur 9 tahun. Seterusnya beliau meneruskan kepakarannya menuntut ilmu perdalangan dengan seorang tokoh tok dalang yang terkemuka serta dikenali ramai iaitu Pak Hamzah Awang Amat.

3.1.3 Kaedah Temubual

Pengkaji akan menemubual dua orang tokoh Tok Dalang dengan menanyakan beberapa soalan yang mempunyai kaitan dengan latar belakang beliau serta ilmu perdalangan. Pengkaji juga akan mendapatkan maklumat dengan sebaik mungkin. Dua orang tokoh tok dalang yang dimaksudkan adalah Pak Usop dan juga Pak Nasir. Pak Usop berasal dari Kampung Laut manakala Pak Nasir berasal dari Kampung Bunuhan. Melalui kaedah temubual ini, pengkaji telah menggunakan cara dengan memberi beberapa soalan kepada dalang-dalang tersebut. Segala soalan yang diberi kepada mereka akan dicatat dalam buku yang telah dikhaskan oleh pengkaji. Antara soalan-soalan yang ditanyakan kepada dalang-dalang ini adalah seperti latar belakang, sejauhmana ilmu perdalangan yang dituntut, pengalaman mereka, kejayaan serta pencapaian dan juga kisah suka duka mereka dalam mengharungi dunia global ini. Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dengan dalang-dalang yang ditemual. Hal ini kerana dalang-dalang yang ditemubual adalah berumur di antara 50-60 tahun. Dengan itu, kehadiran pengkaji ke tempat mereka disambut dengan baik sekali. Mereka juga telah menganggap pengkaji seperti anak-anaknya yang lain.

3.1.4 Kaedah Pemerhatian

Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan memerhati serta merekod tentang perbualan di antara pengkaji dan tokoh tok dalang. Pengkaji juga akan mencatat data-data yang diperkatakan oleh informer. Menurut apa yang telah diperincikan oleh Pak Usop dari kampung Laut, yang menyatakan masyarakat pada masa dahulu sangat menggemari seni persembahan wayang kulit. Namun, masyarakat Melayu pada hari ini telah beralih arah serta tidak lagi meminati wayang kulit terutamanya daripada golongan muda. Walaupun masih ada sesetengah masyarakat kini yang bermain wayang kulit, ia hanyalah daripada golongan tua. Selain itu juga, pengkaji memberi pemerhatian kepada teknik-teknik permainan wayang kulit. Mengikut kajian yang dilakukan, teknik-teknik permainan wayang kulit ini ada perbezaannya. Ianya mengikut kepada tok dalang tersebut untuk mempersesembahkannya. Hal ini kerana persembahan yang dilakukan oleh Pak Usop tidak sama dengan tok dalang yang lain kerana beliau tidak menggunakan ayat jampi serapah sebaliknya menggunakan ayat-ayat doa.

3.1.5 Penggunaan Kamera Dan Rakaman

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kamera dan juga pita rakaman. Kaedah ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji dalam mengumpul gambar-gambar berkaitan seni persembahan wayang kulit. Melalui kajian ini, pengkaji

memerlukan kamera bagi mengambil gambar-gambar yang berkaitan kajian yang dikaji. Gambar-gambar yang penting untuk diambil adalah seperti gambar patung-patung wayang kulit, gambar tok dalang, alat-alat muzik wayang kulit, dan kawasan persekitarannya. Gambar-gambar seperti ini diambil adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai lampiran. Manakala rakaman juga memainkan peranan penting dalam menghasilkan sesuatu kajian. Hal ini kerana, kebanyakan pengkaji menggunakan kaedah temubual. Segala perbualan diantara pengkaji dan orang yang dikaji haruslah dirakam bagi kemudahan pada masa hadapan. Ianya perlu dirakam kerana kemungkinan ada isi-isi yang agak penting dalam perbualan yang dijalankan. Penggunaan kamera dan juga rakaman ini haruslah dijaga dengan teliti. Hal ini demikian kerana jika ianya rosak, segala isi penting akan hilang begitu sahaja.

3.1.6 Sumber Internet

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji juga turut mencari maklumat dalam internet. Hal ini kerana pengkaji masih lagi kekurangan maklumat dan dengan mencari dalam internet secara tidak langsung pengkaji dapat menambahkan maklumat bagi menyiapkan tugasan ilmiah ini. Sumber-sumber yang terdapat dalam internet

haruslah diambil daripada laman web yang tertentu. Contohnya artikel-artikel, jurnal dan juga blog. Sumber-sumber ini penting kerana ianya akan dijadikan serta ditulis dalam bibliografi.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab 4 ini, pengkaji akan menulis tentang biografi Pak Usop dan Pak Nasir secara terperinci lagi. Melalui bab ini juga, pengkaji juga akan membuat perbandingan diantara dua tokoh tok dalang ini. Contohnya dari segi ilmu perdalangan yang dipelajari dari arwah Pak Hamzah. Pengkaji juga akan menceritakan tentang keistimewaan seorang tok dalang dalam membuat persembahan wayang kulit.

4.2 Pak Usop

Yusof Mamat atau dikenali sebagai Pak Usop yang berasal dari Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Ayah beliau bernama Mamat bin Haji Omar berasal dari Kampung Salor, Kota Bharu, Kelantan manakala ibunya pula bernama Zabedah binti Haji Ismail yang berasal dari Kampung Kok D'Ellah, Tumpat, Kelantan. Kelantan merupakan salah satu negeri yang kaya dengan seni persembahan dan pengubatan tradisional. Antaranya adalah seperti main puteri, menora, wayang kulit, dikir barat dan banyak lagi. Di kalangan penduduk Kampung Laut pada zaman dahulu, Pak Usop lebih dikenali sebagai Yusof Lepok. Hal ini demikian kerana pada zaman kanak-kanaknya semasa Pak Usop bergaduh dengan kawan-kawannya, beliau akan mengetuk kepala orang yang bergaduh dengannya. Pak Usop telah didedahkan kepada

seni tradisional melayu sejak kecil lagi. Pak Usop berumur 60 tahun dan tarikh lahir beliau adalah pada 28.12.1951 serta dilahirkan di kampungnya sendiri iaitu Kampung Laut. Beliau merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik yang terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan. Adik-beradiknya terdiri daripada Rahmah binti Mamat, Ghani, Yusof (Pak Usop), Rokiah dan Abdul Rahman. Pak Usop berkahwin ketika berumur 19 tahun dengan Zaharah Binti Hassan yang berasal daripada Kampung Dalam Rhu, Tumpat.

Perkahwinannya merupakan pandangan pertama ketika berkunjung ke rumah emak saudara suami kepada kakaknya di Tumpat. Ketika itu, terjadi satu peristiwa yang lucu kerana perkahwinan Pak Usop dengan isterinya berlaku pada malam hari terpandangnya Pak Usop terhadap isterinya. Hal ini kerana perkahwinannya disegerakan dengan serta merta kerana pada masa itu, Pak Usop telah memohon untuk ke tanah rancangan yang mewajibkan para ahlinya mempunyai isteri. Pak Usop berjaya mendapat tanah rancangan tersebut iaitu di Felda Bukit Goh, Kuantan, Pahang. Tetapi kerana tidak mendapat keizinan untuk membawa isterinya ke sana, Pak Usop telah menolak tawaran tersebut. Perkahwinan Pak Usop dikurniakan 13 orang anak dan 2 daripadanya sudah meninggal dunia. Anak-anaknya terdiri daripada 9 lelaki dan 4 perempuan. Anak-anaknya ialah Yuzamri (1972), Hamdan (1974-meninggal dunia ketika tidur pada tahun 2002), Denmark (1978), Zailani (1980), Muhammad Amin (1982-meninggal dunia kerana mati lemas ketika berumur 4 tahun), Zainuddin (1984), Norhasanah (1986), Muhammad Amin (1988-mengambil nama sempena nama anak ke limanya), Nor Suhana (1990), Muhammad Hisyam

(1992), Juhaida (1994), Muhammad Fais (1996) dan Siti Zubaidah (1998). Anak ketiga yang diberi nama Denmark kerana semasa isterinya mengandungkannya, beliau tidak mempunyai sebarang pekerjaan selama sebulan. Ketika itu Pak Usop menetap di Singapura. Semasa beliau sedang asyik termenung di hadapan sebuah bangunan di Singapura yang bernama Denmark House, beliau telah berniat jika beliau keluar dan mendapat duit sebanyak RM200, anak itu akan diberi nama Denmark.

Tahap pendidikan Pak Usop hanya setakat tingkatan tiga sahaja yang dahulunya dikenali sebagai LCE iaitu PMR. Pak Usop bersekolah rendah di Sekolah Kampung Laut. Kehidupan zaman kecil beliau sangat susah kerana ayahnya bekerja sebagai seorang nelayan dan meninggal diunia ketika umur Pak Usop berumur 7 tahun. Pada zaman kanak-kanaknya, beliau adalah seorang yang berdikari dan sangat rajin. Perkara ini dapat dibuktikan apabila Pak Usop telah mengambil upah menjual aiskrim dan otak-otak ketika beliau masih bersekolah lagi. Selain daripada itu, beliau juga telah mengambil upah menyediakan air basuh tangan dan air untuk basuh ikan di kedai. Di samping itu juga, Pak Usop turut menolong orang menjual air teh dan mee goreng di kedai-kedai makan. Dengan duit upah yang diperolehnya, Pak Usop mampu memberikan duit kepada ibunya untuk berbenalan sehari-an.

Sikap ringan tulangnya telah menambat hati seorang Tok Penggawa yang bernama Che Hassan untuk mengambil beliau sebagai anak angkat ketika berumur 11 tahun. Selain menjadi kawan kepada anak Che Hassan, Pak Usop juga gemar dalam aktiviti memasak, memberi makanan ayam dan mengemas rumah. Selepas Tok Gawa Hassan berpindah ke Pasir Mas, Pak Usop dipelihara oleh Haji Jusof bin Haji Hassan

iaitu seorang Imam Kampung Laut sehingga berumur 15 tahun. Hal ini kerana menurut kakak Pak Usop, salah satu keistimewaan beliau ialah pandai memasak. Beliau boleh memasak berbagai-bagai jenis masakan dan kek. Masakannya juga mendapat pujian dalam kalangan ahli keluarganya. Menurut beliau, dia hanya belajar memasak melalui pemerhatian sahaja tanpa belajar dari sesiapa. Selepas Tok Gawa Hassan berpindah ke Pasir Mas, Pak Usop dipelihara oleh Haji Jusof bin Haji Hassan iaitu seorang Imam Kampung Laut sehingga berumur 15 tahun. Pada tahun 1968 hingga 1970, beliau telah menceburi bidang dikir barat. Selepas berkahwin, beliau telah pergi ke Singapura untuk bekerja di kapal-kapal kargo dengan gaji RM7.50 untuk 8jam dan kemudian di kawasan batu kauri. Semasa bekerja di Singapura, Pak Usop sering berulang alik dari Kampung Laut ke Singapura untuk melawat isteri dan juga anak-anaknya. Pada tahun 1980, beliau telah mendapat pekerjaan tetap iaitu sebagai tukang kebun di Sekolah Menengah Kampung Laut. Selain menjadi tukang kebun dan juga tok dalang, beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar wayang kulit di Universiti Malaya yang bermula pada 5.12.2004. Pak Usop mengajar di universiti tersebut pada hari khamis dan jumaat sahaja. Beliau mengajar tentang cara-cara bermain wayang kulit dan juga alat-alat muzik wayang kulit. Pada tahun 2002-2003, Pak Usop juga pernah menjadi tenaga pengajar di Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dalam bahagian tok dalang. Hanya tiga orang anak Pak Usop yang berminat dalam bidang seni iaitu Zainuddin (anak ke 6), mahir dalam menebuk wayang, Norsuhana (anak ke 9) mahir dalam menebuk wayang, memalu canang dan penyanyi dikir barat dan Faisal (anak ke 12) pandai dalam memalu canang. Kumpulan Wayang Kulit Pak Usop telah diberi nama Kumpulan Sri Cahaya Kampung Laut yang

diistiharkan pada tahun 1988. Sebenarnya Pak Usop telah menubuhkan kumpulan ini pada tahun 1980 namun pengistiharannya telah dibuat pada tahun 1988.

Kumpulan ini dianggotai seramai 7 orang pemain termasuk Pak Usop yang dikenali sebagai Tok Dalang yang masih bertahan sejak dahulu sehingga sekarang. Selain itu, anggota lain adalah seperti Wan Mat dan Che Deraman (main gedumbak), Wan Samat dan Jusof Merah (main geduk ibu dan anak), Awang dan Ah Cheng (pemain serunai), Che Kob (pemain Canang), Nasir (gong) dan Dollah (pemain kesi).



Rajah 4.1:Keluarga Pak Usop

Sumber:Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

4.3 Tok Dalang

Pak Usop mendapat tunjuk ajar daripada beberapa orang tokoh iaitu Pak Hamzah dan juga Pak Yusof Hassan. Mereka juga tergolong dalam orang-orang yang mendalami bidang ilmu perdalangan. Terutamanya Arwah Pak Hamzah Awang Amat iaitu seorang guru wayang kulit Kelantan. Beliau juga dikenali sebagai seniman Negara Pertama. Pak Usop pernah ditawarkan pekerjaan sebagai pensyarah atau tenaga pengajar di Uitm Puncak Perdana bermula bulan Mei 2010 sehingga kini. Pak Usop telah melibatkan diri dalam wayang kulit sejak dari usia kanak-kanak lagi. Pada ketika itu, beliau berumur 4 taguh dan telah diambil untuk bermain canang bagi sebuah kumpulan wayang kulit di bawah pimpinan Omar Kampung Buluh. Dengan itu, Pak Usop telah mendapat upah sebanyak 30 sen setiap kali ada persembahan. Bagi beliau, apa yang lebih penting adalah mendapat banyak pengalaman serta ilham tentang wayang kulit.

Kumpulan wayang kulit Omar Kampung Buluh ini sering membuat persembahan di kampung Pak Usop. Melalui pemerhatian itu, beliau dapat mempelajari gerak-geri watak, cerita-cerita wayang kulit dan bagaimana tok dalang menggerakkan watak-watak dalam cerita wayang kulit. Disebabkan terlalu minat dalam persembahan wayang kulit, Pak Usop telah berjinak-jinak dalam membuat patung wayang kulit dengan menggunakan kertas. Pada tahun 1970. Pak Usop telah menjadi juara dikir barat dan namanya semakin dikenali ramai sehingga sering membuat persembahan dikir barat di merata-rata tempat. Pada setiap upacara selingan, Pak Usop akan menyelitkan cerita-cerita dari cerita wayang kulit sehingga

akhirnya didengari oleh arwah Pak Hamzah. Setelah itu, Pak Usop telah dipelawa oleh Pak Hamzah untuk menjadi anak didiknya kerana Pak Hamzah melihat Pak Usop ini mempunyai bakat yang luar biasa dalam menjadi seorang tok dalang. Selepas setuju menjadi anak didiknya, Pak Hamzah telah mengajar Pak Usop tentang nama-nama dalam wayang kulit, melukis patung, percakapan dengan hanya menggunakan kayu tanpa memberi peluang kepada Pak Usop menggunakan patung sebenarnya. Tempoh pembelajaran beliau dengan Pak Hamzah selama setahun. Hal ini disebabkan ada sesetengah manusia yang rapat dengan Pak Hamzah tidak menyukai serta cemburu dengan Pak Usop, akhirnya beliau telah menarik diri daripada berguru dengan Pak Hamzah.

Selepas daripada itu, Pak Usop telah dipelawa oleh seorang kawan yang bernama Cikgu Daim yang pernah bekerja sebagai pengarah Pusat Sumber untuk bermain wayang dengannya. Namun pelawaan tersebut ditolak oleh Pak Usop kerana beliau tidak tahu apa-apa di dalam permainan wayang dan tidak mempunyai modal dalam menyediakan kelengkapan wayang kulit. Setelah didesak beberapa kali oleh Cikgu Daim, akhirnya Pak Usop bersetuju untuk bermain wayang bersamanya. Dengan bermodalkan wang sebanyak RM700, beliau telah mula mencari wayang dan alat-alat muzik samada yang dibeli atau yang diberi oleh orang lain. Pak Usop telah mula membina sebuah bangsar iaitu tempat untuk berlatih wayang serta mencari ahli-ahli panjak atau lebih dikenali sebagai ahli muzik. Pada ketika itu, kumpulan Cikgu Daim dan Pak Usop aktif dalam membuat persembahan di Gelanggang Seni di Kota Bharu. Kesempatan yang diberi oleh Pusat Pelancongan kepada Pak Usop telah

membuka mata para penonton tentang bakat serta kebolehan yang ada pada diri Pak Usop. Orang ramai juga begitu terpegun dengan melihat aksi persembahan Pak Usop sehingga Pusat Pelancongan meminta beliau mengadakan persembahan malam keesokkannya.

Akhirnya Pak Usop sekali lagi diajak oleh seorang kawannya iaitu Che Deraman(bekas ahli panjak Pak Hamzah) untuk menubuhkan satu kumpulan wayang. Melalui kumpulan tersebut, Pak Usop telah disuruh menjadi Tok dalang. Setelah didesak beberapa kali, akhirnya Pak Usop telah bernekad untuk bergiat dengan lebih serius dalam persembahan wayang kulit dengan mempelajari cara-cara membuat patung. Pak Usop telah mempelajari teknik membuat patung melalui Hassan Omar iaitu anak kepada Tok Dalang Omar yang pada ketika itu terkenal dengan patung cerahnya. Patung cerah ini membawa maksud apabila dimainkan di kelir, warna pada patung itu dapat dilihat pada skrin. Ia seolah-olah kita sedang menonton TV warna. Pada masa itu, terdapat sesetengah tok dalang yang dapat menghasilkan patung cerah. Disebabkan usaha tersebut, wayang Pak Usop menjadi terkenal sehinggan ke hari ini dan dikenali sebagai patung cerah serta menarik. Menurut Pak Usop, sebelum beliau dapat menghasilkan patung cerah, Pak Usop terpaksa menghadapi satu cabaran dalam menentukan ia berjaya atau tidak dalam membuat patung cerah. Menurutnya lagi, Pak Hassan telah mencabarnya jika beliau berjaya mengharungi cabaran itu, beliau akan berjaya menjadi tok dalang. Dengan adanya cabaran sebegitu, Pak Usop telah membeli kulit lembu dengan harga RM15 dan menanamnya selama tiga hari berturut-turut.

Apabila masuk hari ketiga, Pak Usop telah mengorek lubang untuk mengeluarkan kulit tersebut untuk dibersihkan. Cabaran yang dimaksudkan oleh Pak Hassan adalah kesanggupan seseorang dalam menghadapi bau yang busuk serta ulat yang banyak dalam membersihkan kulit tersebut. Menurut Pak Usop, beliau mengambil masa yang agak lama untuk memikirkan kembali keputusannya samada mahu menjadi tok dalang atau tidak. Setelah lama berfikir, akhirnya Pak Usop meneruskan perjuangannya dalam menjadi seorang tok dalang yang berjaya. Sejak dari itu, Pak Usop semakin giat dalam membuat patung wayang dan patung wayangnya cukup dikenali dalam kalangan para pelancong asing. Di saat itulah, beliau giat mencari alat-alat muzik untuk menubuhkan sebuah kumpulannya sendiri. Akhirnya beliau telah berdaftar di Gelanggang Seni pada tahun 1983. Kumpulan Pak Usop ini mula membuat persembahan di Gelanggang Seni sehingga ke hari ini. Beliau juga sering mendapat jemputan untuk memenuhi undangan agensi-agensi swasta dan kerajaan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.2: Kumpulan Cahaya Kampung Laut (2)

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

4.4 Keistimewaan Tok Dalang Pak Usop

Setiap tok dalang wayang kulit semestinya mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Begitu juga dengan tok dalang Pak Usop ini. Keistimewaan beliau sebagai tok dalang bukan hanya dua atau tiga tahun tetapi bermula semenjak beliau menjadi tok dalang lagi. Disebabkan keistimewaan itulah, nama beliau dikenali di serata dunia. Salah satu keistimewaan beliau adalah beliau tidak menggunakan jampi serapah dalam persembahan wayang kulitnya. Beliau menyatakan sebab beliau tidak

menggunakan jampi serapah kerana beliau mahu menarik minat generasi muda akan datang supaya tidak takut dalam menceburi persembahan wayang kulit ini. Selain itu, keistimewaan lain yang ada pada dirinya adalah kemahirannya dalam membuat patung cerah. Kebolehannya dalam menghasilkan patung cerah memnuatkan penonton yang menyaksikan persembahannya berasa terpegun dan tertarik serta tidak jemu dalam menyaksikan persembahannya.

Menurut pandangan isteri Pak Usop, walaupun beliau jarang menonton persembahan Pak Usop tetapi pendapat daripada rakan-rakan Pak Usop mengatakan patung Pak Usop comel-comel belaka. Selain membuat persembahan patung untuk persembahan, beliau juga membuat patung untuk dijual dan patung wayangnya mendapat permintaan yang tinggi daripada kumpulan wayang kulit lain atau daripada pelancong-pelancong asing. Syarikat-syarikat swasta atau kerajaan juga pernah membeli patung-patung Pak Usop untuk dibuat pameran ataupun pertunjukan.

Selain mempunyai patung yang cantik, Pak Usop juga pandai dalam membawa gaya percakapan berdasarkan watak-watak dalam wayang kulit mengikut asal usul ataupun darjat watak tersebut. Ianya bergantung kepada watak raja, rakyat jelata, orang baik, watak kelakar dan banyak lagi. Suaranya yang jelas, terang dan bertenaga membuatkan para penonton tidak akan berganjak daripada menyaksikan persembahannya sehingga tamat. Perkara ini dapat dibuktikan apabila kawannya iaitu Razi Che Wa mengatakan percakapan Pak Usop begitu sedap didengar. Beliau juga ada mengatakan cara permainan Pak Usop agak menarik dan sentiasa bertenaga dan disebabkan faktor itulah setiap kali Pak Usop membuat persembahan, ia akan

sentiasa dikunjungi oleh orang ramai dan persembahan wayang kulitnya cukup diminati oleh para pelancong asing. Rumah Pak Usop juga sering dikunjungi oleh pelancong asing samada untuk membuat kajian, temuramah, belajar wayang kulit dan sebagainya. Menurut Pak Usop, rumahnya tidak pernah sunyi daripada dikunjungi orang sejak dari zaman ibu bapanya lagi.



Rajah 4.3 : Pelancong dari Jepun

Sumber : Nur Ainul Akmal Binti Abdullah



Rajah 4.4: Pelancong dari Russia

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

Selain daripada itu, Pak usop juga telah membuat watak-watak yang berbeza dalam persembahannya yang jarang diketahui oleh tok dalang lain. Menurutnya, beliau mula belajar mengenali watak-watak ini semasa kecil lagi iaitu pada masa beliau bermain canang dan semasa menonton persembahan wayang kulit pada zaman dahulu. Watak-watak yang dimaksudkan adalah seperti Sang Sakti Cambuari, Galah Pusing, Pahat Putar, Panglima Gajah Meta, Beraham Nara Sinu Atas Puncak Gunung, Jambul Depa dan banyak lagi. Manakala antara watak-watak yang popular adalah

seperti Seri Rama, Mek Dewi, Laksamana, Hanuman Kera Putih, Rawana, Pak Dogol dan banyak lagi.

Keistimewaan lain yang ada pada diri Pak Usop adalah beliau tidak pernah belajar cerita-cerita yang ingin beliau sampaikan dalam persembahannya. Hal ini demikian kerana, setiap kali beliau membuat persembahan, beliau sendiri tidak mengetahui cerita apakah yang ingin beliau sampaikan. Cerita-cerita tersebut tidak pernah ada dalam pemikirannya sehingga beliau duduk di hadapan kelir dan kelir berbunyi. Kumpulan Pak Usop juga tidak pernah membuat sebarang latihan sebelum memulakan sesuatu persembahan. Menurut Pak Usop, setiap ahli panjaknya sudah tahu irama dalam jiwa mereka dan mereka akan terus bermain tanpa perlu membuat sebarang latihan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN



Rajah 4.5: Contoh patung wayang kulit yang dibuat oleh Pak Usop


Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah



Rajah 4.6: Pak Usop Dengan Pohon Beringin Dan Hanuman Kera Putih

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah


MALAYSIA
—
KELANTAN



Rajah 4.7: Karen (1930)

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

Melalui rajah 4.7 ini, Pak Usop mengatakan beliau sudah lama menyimpan patung wayang kulit yang bernama Karen. Patung ini asalnya daripada Jawa dan dulunya ia dimiliki oleh seorang pelajar Uitm. Namun disebabkan patung ini dikatakan selalu mengganggu beliau, beliau telah memberi kepada Pak Usop supaya menjaganya sehingga ke hari ini. Walaupun ada sesetengah individu yang ingin membeli patung dengan harga yang lumayan, namun Pak Usop tidak mahu menjualnya. Menurutnya lagi patung ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri.



Rajah 4.8: Maharaja Batok

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

Manakala rajah 4.8 ini merupakan patung wayang yang bernama maharaja batok. Menurut Pak Usop patung ini telah tercipta sejak beliau masih kecil lagi. Beliau juga mengatakan bahawa patung ini adalah raja segala kejahanatan kerana mempunyai perangai yang jahat, rupa yang menakutkan dan sebagainya. Patung ini juga menjadi patung kesayangan Pak Usop dan tidak sama sekali beliau menjualnya.

4.5 Anugerah Penghargaan

- Selama berkecimpung dalam dunia wayang kulit, Pak Usop mendapat pelbagai penghargaan daripada pihak-pihak yang tertentu. Antaranya seperti:
- Majlis Sukan Jambatan Kuda Game Saiburi Selatan Thailand kerana menyertai temasya pada 10 Ogos 2009.
- Mengikuti Seminar Homestay Peringkat Kebangsaan Tahun 2003 pada 18-21 Disember 2003. Dianjurkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan Kerjasama Persatuan Homestay Malaysia.
- Program Kursus Kepimpinan dan Pengurusan NGO's Budaya Negeri Kelantan 2009. Bertarikh 21 mac 2009 bertempat di Dewan Datuk Ahmad Fadzli, Wisma Kastam Kota Bharu, Kelantan. Anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan.
- Kursus Pengurusan Pertubuhan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Kelantan di Dewan A & B Kompleks Balai Islam Lundang Kelantan.

4.6 Pak Nasir

Che Mohd Nasir bin Yusoff atau Pak Nasir yang berumur 56 tahun berasal dari Kampung Bunuhan, Tumpat, Kelantan. Tarikh lahir beliau adalah pada 15 April 1995 dan bilangan adik-beradik Pak Nasir adalah seramai tiga orang. Beliau merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik-beradiknya. Pak Nasir mempunyai seorang isteri yang bernama Jaharah binti Salleh. Namun begitu isteri beliau telah meninggal dunia pada tiga tahun yang lepas. Hasil perkongsian hidup bersama arwah isterinya, Pak Nasir telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu Che Saiful Nazirman, Che Saiful Nazmi dan yang bongsu bernama Nor Izrin. Anak kedua Pak Nasir mempunyai minat yang sama terhadap budaya seni. Perkara ini dapat dilihat apabila anak keduanya berjaya memegang jawatan sebagai pensyarah dalam pembuatan alat muzik. Menurut beliau lagi, anak keduanya ini pernah belajar sama tempat beliau mencari pendapatan iaitu di ASWARA. Bapa Pak Nasir bernama Yusoff bin Bakar manakala ibunya pula bernama Mariam Binti Saman yang telah meninggal dunia.



Rajah 4.9: Pak Nasir dengan Sing Ong Sue (tukang topeng di Korea)

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

4.7 Susur Galur Dalam Menjadi Seorang Tok Dalang

Pak Nasir mendapat tunjuk ajar dari ramai tokoh seni tanah air seperti Arwah Pak Soh Tok Minduk sebagai guru main puteri, Arwah Mahmud Tok Payung sebagai guru Mak Yong, Arwah Pak Hamzah Awang Amat sebagai guru wayang kulit dan Arwah Seman Wau Bulan sebagai guru dikir barat. Pak Nasir pernah bertindak sebagai pengarah muzik bagi pementasan teater-teater tradisional Mak Yong Dewa Muda, Raja Gondang, Sindong, Anak Raja Bongsu Sakti, Raja Pencildan dan banyak lagi. Sejarah bermulanya beliau berkecimpung dalam bidang wayang kulit ini adalah hasil daripada arwah datuknya dan juga nenek beliau. Menurut Pak Nasir, arwah datuknya yang berkongsi hidup dengan neneknya telah mendapat seorang cahaya

mata iaitu Mariam. Mariam merupakan ibu kepada Pak Nasir. Selepas itu, arwah datuknya itu telah berkahwin lagi selepas bercerai dengan isterinya. Namun begitu, isteri baru arwah datuknya itu mengalami masalah sedikit iaitu tidak boleh melahirkan anak atau lebih senang dipanggil mandul.

Untuk menghilangkan rasa kesunyian di hati, datuk dan juga nenek Pak Nasir telah membuat satu permintaan kepada Mariam untuk memelihara anaknya sekiranya Mariam melahirkan anak lelaki. Pada ketika itu, Mariam telah mempunyai seorang anak lelaki dan sedang mengandung anak kedua. Selepas daripada itu, lahirlah anak kedua yang dikandung oleh Mariam. Namun permintaan daripada datuk dan nenek Pak Nasir terpaksa ditolak oleh Mariam kerana anak kedua yang dilahirkan itu mempunyai sifat-sifat yang sempurna. Contohnya mempunyai kulit yang putih, hidung mancung, muka yang cantik dan bermacam-macam lagi. Selepas mendengar penjelasan daripada Mariam, datuk dan nenek Pak Nasir faham dan pasrah dengan ketentuan ilahi. Namun selepas daripada itu, datuk dan nenek beliau sekali lagi membuat permintaan kepada Mariam supaya memberikan anak kepada mereka sekiranya anak itu adalah seorang lelaki. Hal ini kerana pada ketika itu, Mariam telah mengandungkan anak yang ketiga hasil perkongsian hidup bersama bapa Pak Nasir iaitu Yusoff. Selepas Mariam melahirkan anak ketiga itu, permintaan oleh datuk dan nenek Pak Nasir telah dimakbulkan. Hal ini demikian kerana Mariam telah melahirkan anak lelaki dan Mariam tidak mahu memelihara anak tersebut kerana anak ketiga yang dilahirkan itu tidak sama dengan anak-anak beliau sebelum ini. Anak

ketiga yang dilahirkan itu mempunyai kulit yang gelap, hidung tidak mancung dan sebagainya. Anak ketiga yang dimaksudkan adalah Pak Nasir.

Disitu bermula kehidupan Pak Nasir bersama datuk dan neneknya. Di kawasan rumah datuk dan neneknya itu, terdapat beberapa kawasan yang menakjubkan bagi Pak Nasir. Tempat yang dimaksudkan adalah tempat kaunter tiket dan juga tempat yang dikenali sebagai panjak ataupun panggung untuk membuat persembahan seperti wayang kulit, Makyong, Main puteri dan sebagainya. Tempat tersebut boleh mengumpul penduduk seramai 2000 orang. Pak Nasir telah diasuh oleh datuknya dalam menjadi seseorang yang mencintai budaya tradisi melayu. Hal ini kerana datuk Pak Nasir merupakan seorang ketua wayang kulit di Kampung Bunohan. Sejak kecil lagi Pak Nasir mendekati budaya seni tradisi terutama sekali adalah dari bidang wayang kulit. Semasa beliau sedang aktif dalam menghayati budaya seni ini, Pak Nasir telah mengalami penyakit yang misteri iaitu perut Pak Nasir telah menjadi buncit. Datuk dan neneknya telah membawa Pak Nasir untuk berjumpa dengan seorang tok bomoh. Tok bomoh memberitahu kepada datuk beliau bahawa Pak Nasir ini mempunyai titisan darah daripada wayang kulit pertama. Menurut Pak Nasir lagi, tok dalang wayang kulit pertama di negeri Kelantan adalah seorang wanita yang bernama Tok Mok Erok. Tok Mok Erok merupakan seorang keturunan Bugis.

Selepas sembuh daripada penyakit misteri itu, Pak Nasir telah menjadi seorang tok dalang ketika beliau berumur 11 tahun lagi. Tahap pendidikan beliau hanya pengajian rendah iaitu di Sekolah Kebangsaan Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Hal ini kerana semasa dalam bersekolah lagi, beliau selalu ponteng sekolah. Hal ini

kerana ketika itu, beliau sudah membuat persembahan wayang kulit di merata-rata tempat. Pernah suatu ketika dahulu, seorang guru sekolah Pak Nasir pergi ke rumah datuk beliau untuk menanyakan sebab mengapa Pak Nasir tidak menghadiri ke sekolah selama seminggu. Sehingga pada tahun 70-an dan 79-an, Pak Nasir telah dijemput oleh Kementerian Kebudayaan untuk bekerja dan seterusnya beliau berpindah ke Istana Budaya untuk menjadi seorang ahli muzik. Dalam menjadi seorang tok dalang yang sempurna, Pak Nasir juga telah berguru dengan Seniman Negara Pertama iaitu arwah Pak Hamzah. Pelbagai ilmu wayang kulit yang dapat dipelajari oleh Pak Nasir. Namun begitu, beliau berasa dirinya boleh pergi jauh dan ilmu yang ada dalam dirinya sudah cukup untuk mengekalkan budaya seni tradisi yang ada di negara ini. Hal ini kerana arwah Pak Hamzah pernah memberitahu kepada Pak Nasir bahawa Pak Nasir boleh pergi jauh serta berjaya dalam bidang wayang kulit.

Menurut Pak Nasir, pernah suatu ketika dahulu arwah Pak Hamzah meminta pertolongan daripada beliau supaya menggantikan tempat beliau sebagai tok dalang dalam persembahan di KLCC dekat dengan air pancut selama 7 malam. Persembahan tersebut dikenali sebagai Citrawarna yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan. Persembahan tersebut dipenuhi dengan puluhan ribu penonton. Hal ini demikian kerana arwah Pak Hamzah telah membuat persembahan 2 hari dan mengalami sakit tekak. Pada ketika itu, Pak Nasir telah bertugas di KLIA. Pada mulanya beliau menolak permintaan daripada arwah PaK Hamzah namun disebabkan kesian melihat keadaan Pak Hamzah, beliau sanggup menggantikan tempatnya. Selepas Pak Nasir

membuat persembahan wayang kulit, puluhan ribu penonton memberi tepukan serta sorakan kepada beliau. Terdapat juga sesetengah penonton yang memuji-muji persembahan tersebut. Namun begitu, penonton tidak tahu yang membuat persembahan malam itu adalah Pak Nasir bukannya arwah Pak Hamzah. Selepas membuat persembahan Pak Nasir turun bersama dengan arwah Pak Hamzah, pada ketika itu para wartawan pergi untuk menemuramah beliau. Para wartawan memuji arwah Pak Hamzah dengan mengatakan persembahan yang dibuat adalah yang terbaik. Arwah Pak Hamzah terdiam serta mengatakan kepada para wartawan tersebut yang membuat persembahan pada malam itu adalah Pak Nasir bukannya beliau. Menurut Pak Nasir, apabila seseorang anak murid itu naik maka tok gurunya akan jatuh dalam kariernya. Maka samalah dengan arwah Pak Hamzah dengan Pak Nasir. Tetapi keadaan tersebut pernah berlaku kepada arwah Pak Hamzah yang berguru dengan Tok Awang Lah. Apabila arwah Pak Hamzah naik maka gurunya Tok Awang Lah akan jatuh dalam kariernya. Pernah pada masa dahulu, Pak Nasir telah ditegur oleh adik bongsu kepada ayahnya tentang persembahan yang berunsurkan syirik. Adik bongsu ayahnya ini mempunyai satu masjid yang besar yang terletak di depan rumah datuk Pak Nasir. Namun Pak Nasir tidak boleh berbuat apa-apa kerana dirinya sudah sebatи dengan wayang kulit.

4.8 Kelebihan Tok Dalang

Kelebihan yang dikatakan oleh Pak Nasir adalah dapat mengenali segalanya. Maksudnya beliau dapat mengenali yang maha pencipta iaitu Allah S.W.T, diri sendiri dan juga alam luar. Bagi beliau, seni persembahan wayang kulit merupakan satu iktibar kepada manusia. Hal ini kerana melalui wayang kulit, terdapat pelbagai mesej yang disampaikan cuma kita sebagai manusia biasa perlu bijak dalam memahami sesuatu benda itu. Selain itu juga, dengan mempelajari seni persembahan melayu Pak Nasir dapat mengenali orang ramai. Contohnya apabila beliau membuat persembahan wayang kulit. Menurut Pak Nasir lagi, beliau pernah membuat persembahan di Korea Selatan yang bertemakan Demokrasi di Korea Selatan. Beliau menyentuh isu demokrasi melalui persembahan wayang kulit. Beliau mengatakan bahawa negara Korea Selatan belum lagi demokrasi. Hal ini demikian kerana terdapat lagi sesetengah tentera Amerika yang bertapak di Korea Selatan.

Selain itu juga, kelebihan lain yang ada pada diri Pak Nasir adalah dapat mendidik generasi muda pada zaman sekarang. Contohnya pada ketika dahulu, terdapat seorang budak cina daripada Negeri Sembilan yang ingin belajar menjadi profesional dalam bidang gendang Cina. Walaupun pada ketika itu, beliau merupakan seorang tok dalang wayang kulit namun Pak Nasir tidak menghamparkan harapan pelajar cina ini yang bernama Benet Goh untuk menjadi seorang profesional dalam bidang tradisional gendang cina. Namun Benet Goh telah menghadapi satu risiko yang besar apabila beliau menubuhkan kumpulan pergendangan perempuan. Perkara itu telah memberi masalah kepada mereka kerana kebanyakkan anak perempuan

cina tidak suka bermain gendang dan ibu bapa mereka semestinya menghantar anak-anaknya belajar dalam bidang perniagaan.

Namun begitu, Pak Nasir telah memberi kata-kata semangat kepada Benet supaya meneruskan perjuangannya yang diimpikan selama ini. Pak Nasir menasihati Benet supaya berdiri pada tempat yang betul serta kuatkan diri dalam menghadapi risiko. Selepas daripada itu, pelajar cina ini telah berjaya mencipta nama selepas menjadi juara dalam pertandingan dunia. Sehingga ke hari ini Benet tidak melupakan Pak Nasir dan selalu mengambil berat terhadapnya. Kelebihan lain dalam menjadi seorang tok dalang adalah dapat mengenali apa itu wayang kulit. Hal ini demikian kerana bagi Pak Nasir wayang kulit adalah tiga dalam satu. Maksudnya perwatakan Buddha, epik dan Hindu. Isu yang ditimbulkan oleh Pak Nasir adalah di mana terletaknya Islam dalam seni persembahan wayang kulit. Jawapan yang diberi adalah tok dalang itu adalah Islam sebab ianya adalah satu.



Rajah 4.10: panggung milik Pak Nasir di ASWARA

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

4.9 Pengalaman Kerja

Selain menjadi seorang tok dalang yang terkenal, beliau juga pernah mempunyai pengalaman bekerja di beberapa tempat. Antaranya adalah pada tahun 1981 sehingga 2001, beliau adalah seorang ahli muzik di Istana Budaya. Selepas mencuba nasib di Istana Budaya, tahun 2001 sehingga 2008 Pak Nasir telah ditawarkan memegang jawatan sebagai Adiguru Wayang Kulit Kelantan untuk subjek wajib akademi iaitu wayang kulit Kelantan, Mak yong dan Jabatan Muzik iaitu pergendangan melayu di Akademi Seni Kebangsaan yang kini dikenali sebagai ASWARA. Pada 15 september 2008, beliau telah menjadi pensyarah pengajian teras ASWARA untuk wayang kulit dan juga Mak Yong.

Beliau juga pernah menjadi pengarah muzik untuk persembahan Muzik Asli dan wayang kulit Kelantan di United Nation, New York pada tahun 2006. Selain itu, Pak Nasir juga pernah dijemput oleh negara-negara luar seperti Korea, Spain, Indonesia, Kemboja, Vietnam, Filipina, Amerika Syarikat, Singapura dan banyak lagi.



Rajah 4.11: Penglibatan Pak Nasir Dalam Wayang Kulit

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.12: Persembahan Wayang Kulit Pak Nasir

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah



Rajah 4.13: Gambar Kenangan Pak Nasir

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

4.10 Anugerah

30 Mac 2002

- Pingat Sri Mahkota Kelantan (SMK) disampaikan oleh D.Y.M.M Sultan Kelantan.

30 Julai 2002

- Anugerah Khidmat Cemerlang (Perkhidmatan Awam 2002)

4.11 Pengalaman Muzik

April, 2008

- Raja Adil (Mak Yong ASWARA sebagai Pengarah Muzik)

2007

- Anak Raja Panah (Mak Yong ASWARA sebagai Pengarah Muzik)

24 April – 3 Mei 2006

- Persembahan Wayang Kulit di Bangunan PBB dan beberapa tempat di Bandar New York, USA.

2003

- Shadow of Image – mempersembahkan wayang kulit Kelantan di Sweden.

14 - 23 mac 2003

- “Gegaran Ask” keliling Malaysia iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kuala Terengganu dan Kelantan.

Jun 2003

- Batak Raja Dondang (Mak Yong ASK sebagai Pengarah Muzik)

April 2002

- Dewa Indera-Indera Dewa (Mak Yong ASK sebagai Pengarah Muzik)

27 April 2002

- Upacara Pertabalan Agong di Dataran Merdeka yang mengetuai 21 orang pemain Rebab.

24 Februari 2002

- Pembukaan Perlawanan Hoki Piala Dunia di Bukit Jalil sebagai Pengarah Muzik dan Konduktor

8 – 11 2001

- Persembahan Wayang Kulit Kelantan di Waterfront dan UNIMAS, Sarawak sebagai Tok dalang.

4 – 6 Mei 2001

- Tradisional Theater “Mak Yong” (Dewa Muda 2) di Experiment Theater (E.T) sebagai Pengarah Muzik.

29 Mei – 3 Jun 2001

- Singapore Art Festival di Fort Canning Part, Singapore wayang kulit Kelantan sebagai Tok dalang.

8 – 11 Oktober 2000

- Mak Yong Kanak-Kanak – Raja Pencil di Auditorium Dewan Bandaraya sebagai Penasihat.

14 – 18 September 2000

- Asia Fukuoka Culture Prize (Prize and Appreciation ceremony for Arwah Pak Hamzah Awang Amat sebagai pemuzik wayang kulit Kelantan.

24 – 25 Jun 2000

- Bengkel Muzik Wayang Kulit Kelantan di Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, Bangi sebagai Penceramah dan Jurutunjuk.

16 Oktober 1999

- “Citrawarna Malaysia” sebagai Pemuzik.

Ogos 1999

- “Puteri Saadong” (Dramatari) sebagai Tok Dalang.

Disember 1998

- “Bongsu Sakti” (Mak Yong ASK) sebagai Pengarah Muzik.

1992 – 1996

- Pernah mengikuti rombongan Kebudayaan bersama Perdana Menteri Malaysia (Tun Dr. Mahathir Mohamad) Kemboja, Brazil, Argentina, Fiji, Chili, Tahiti.

4.12 Method Dalam Mempelajari Ilmu Tok Dalang

(a) Pemerhatian

Pengalaman zaman kanak-kanak dalam menonton persembahan wayang kulit banyak membantu Pak Yusoff dan Pak Nasir dalam mempelajari selok-belok permainan wayang kulit. Melalui pemerhatian mereka dapat belajar nama-nama wayang seperti pak dogol, seri rama, sipa luga, anak pujore dewi prebe, hanuman bongsu, seri pentala, yatim berdap, senggara api, sita dewi, rawana, botol mas mas wajawana/rawana dan sebagainya. Bagi tok dalang Pak Usop, beliau sejak kecil lagi didedahkan kepada wayang kulit kerana ayah beliau juga mempunyai ilmu dalam wayang kulit. Contohnya dari segi pembuatan patung wayang kulit. Berlainan pula dengan Pak Nasir, beliau juga didedahkan sejak kecil lagi apabila beliau dipelihara oleh datuk dan neneknya. Datuknya merupakan ketua wayang kulit di kampung Bunohan dan mempunyai tempat untuk membuat pelbagai seni persembahan termasuk wayang kulit. Dari situlah Pak Nasir memerhati gerak geri seni persembahan yang dipersembahkan di tempat milik datuknya.

Percakapan Wayang

Nada percakapan bergantung kepada patung ataupun watak baik, bengis, jahat dan wali. Seseorang tok dalang mestilah pandai menyesuaikan suaranya mengikut peranan watak wayang. Contohnya bagaimana seorang raja bercakap, mereka harus tahu gaya seorang kelakar iaitu watak pak dogol ataupun wok long, nada orang jahat dan sebagainya. Samalah dengan ilmu yang dipelajari oleh Pak Usop dan Pak Nasir.

Bagi mereka dalam mempelajari seni persembahan yang kulit ini, mereka juga haruslah megetahui tentang nama-nama patung dan kenal apa itu wayang. Mereka juga mestilah mengetahui tentang jalan cerita yang ingin disampaikan. Dan apa yang paling penting pada diri tok dalang adalah mereka harus mengetahui siapa pencipta kita serta yang berkuasa ke atas muka buni ini.

Tubik Wayang dan Perang Wayang

Berdasarkan pemerhatian semasa kanak-kanak juga, Pak Yusoff dan Pak Nasir dapat belajar bahawa alat-alat muzik juga membantu seorang pemuzik dengan tok dalang untuk berkomunikasi. Contohnya jika wayang akan keluar ianya akan disusuli dengan bunyi gedumbak. Hulubalang keluar juga diiringi dengan bunyi gedumbak iaitu selepas tok dalang berbunyi Ham Cak. Kemudian apabila Sita Dewi akan keluar, tok dalang akan menyanyikan lagu khabar. Seterusnya pertukaran setiap watak akan dilakukan oleh alat muzik geduk.

(b) Pembelajaran


Semasa menjadi anak didik arwah Pak Hamzah, Pak Yusoff dan Pak Nasir dapat belajar tentang nama-nama wayang, melukis wayang dan juga cara percakapan wayang. Pak Yusoff pernah belajar dengan arwah Pak Hamzah ayat untuk menyedapkan suara. Selain itu, beliau mempelajari main geduk, buat geduk dan menebuk wayang dengan Che Deraman. Manakala Pak Nasir, banyak ilmu yang dipelajari hasil daripada arwah datuknya iaitu Haji Abu Bakar. Hal ini demikian kerana datuknya mempunyai panggung untuk mempersembahkan seni persembahan

seperti wayang kulit, mak yong, dikir barat dan sebagainya. Dengan adanya panggung tersebut, ianya dapat memudahkan proses pembelajaran beliau. Beliau juga ada mempelajari ilmu tok dalang dengan Arwah Pak Hamzah.



Rajah 4.14: Patung Hanuman Kera Putih Milik Pak Nasir

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah



Rajah 4.15: Patung Si Dewi

Sumber: Nur Ainul Akmal Binti Abdullah

(c) Bakat semulajadi

Sesungguhnya Pak Yusoff dan Pak Nasir telah dianugerahkan oleh Allah SWT dengan bakat semulajadi untuk menjadi seorang tok dalang. Perkara ini dapat dibuktikan apabila Pak Usop telah mempunyai ilmu dalam wayang kulit sejak dari kecil lagi. Sebelum berguru dengan arwah Pak Hamzah, beliau telah pun pandai dalam menjadi seorang tok dalang wayang kulit. Begitu juga dengan Pak Nasir, beliau sejak lahir lagi mempunyai titisan darah daripada tok dalang pertama Kelantan iaitu Tok Mok Erok. Sama juga dengan Pak Usop, sebelum belajar dengan arwah Pak Hamzah, beliau sudah mahir dalam mempersembahkan wayang kulit ini.

4.13 Perbincangan

Melalui bab 4 ini, terdapat pelbagai maklumat yang boleh dipelajari oleh pengkaji. Contohnya dari segi keistimewaan seorang tok dalang dalam mempersembahkan wayang kulit. Perkara ini dapat dilihat apabila Pak Usop dan Pak Nasir berjaya menambat hati masyarakat Melayu walaupun wayang kulit ini sering dikaitkan dengan syirik. Menurut Pak Nasir, perkataan syirik timbul kerana disebabkan diri kita sendiri. Jika kita bijak dalam menilai sesuatu benda, sesuatu yang tidak diingini tidak akan berlaku. Menurut beliau lagi, seseorang tok dalang harus tahu siapa pencipta kita dan bagaimana kita boleh berada di muka bumi ini. Dengan itu, beliau telah menggunakan ayat suci al-quran pada permulaan ayat jika membuat persembahan wayang kulit. Baginya hidup kita hanya sementara dan kita sebagai hambanya haruslah mengingati yang maha pencipta serta mendahulukannya. Berlainan pula dengan Pak Usop kerana baginya jampi serapah tidak perlu dalam persembahan wayang kulit. Jadi apabila membuat persembahan wayang kulit, beliau langsung tidak menggunakan ayat jampi serapah.

Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui persamaan serta perbezaan yang ada pada diri dua tokoh tok dalang ini iaitu Pak Usop dan juga Pak Nasir. Apa yang dapat dilihat banyak persamaan diantara mereka. Contohnya mereka sejak kecil lagi mempunyai ilmu dalam bidang wayang kulit ini. Buktinya apabila Pak Usop sejak umur 9 tahun lagi sudah mengambil upah dalam membuat canang. Manakala Pak Nasir pula, beliau sejak lahir lagi mempunyai titisan darah daripada tok dalang pertama di Kelantan. Jadi mereka dikatakan mempunyai ilmu tok dalang wayang kulit

secara semulajadi. Selain itu juga, mereka berguru dengan orang yang sama iaitu seniman negara pertama iaitu arwah Pak Hamzah. Sebelum mereka berguru dengan arwah Pak Hamzah, mereka sudahpun pandai dalam membuat persembahan wayang kulit. Sampai ada sesetengah berpendapat bahawa mereka lebih hebat daripada tok gurunya. Manakala dari segi perbezaan yang dapat dikesan dalam diri Pak Usop dan Pak Nasir ini adalah dari segi perbezaan pendapat. Contohnya Pak Nasir mengatakan ayat jampi boleh digunakan tetapi kita kena faham betul-betul ayat yang kita gunakan itu. Dan mereka haruslah memulakan persembahan dengan menggunakan ayat al-Quran. Hal ini demikian kerana kita kena mengagungkan siapa yang mencipta kita terlebih dahulu. Berlainan pula dengan Pak Usop, baginya ayat jampi tidak sama sekali dibenarkan dalam persembahan wayang kulitnya. Disebabkan itu juga, beliau tidak pernah menggunakan asap kemenyan bila hendak memulakan persembahan wayang kulit.

Seterusnya kita dapat mengetahui bahawa seni persembahan wayang kulit ini masih lagi diamalkan serta popular dalam kalangan masyarakat Melayu dan juga kepada pelancong-pelancong asing. Perkara ini dapat dibuktikan apabila Pak Usop dan Pak Nasir masih lagi aktif dalam memperluaskan lagi ilmu wayang kulit ke serata tempat. Tidak dinafikan juga, mereka sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong asing untuk mengetahui tentang wayang kulit. Bagi pelancong-pelancong asing ini, wayang kulit mempunyai banyak keistimewaan yang tersendiri. Contohnya dari segi penceritaan, patung-patuna wayang, lagu-lagu wayang dan sebagainya. Mereka juga begitu tertarik dengan keunikan patung-patung wayang kulit kerana ianya mempunyai

pelbagai warna. Warna-warna yang digunakan mempunyai lambang-lambang yang tersendiri. Contohnya watak baik dan jahat akan dibuat mengikut warna yang berbeza. Ianya bagi membezakan patung tersebut apabila ketika membuat persembahan.

Di samping itu juga, melalui bab 4 ini kita dapat mengetahui bahawa kurang tok dalang dalang dalam setiap negeri. Contohnya di Kelantan tok dalang yang dikenali ramai adalah Pak Usop, Pak Nasir, Pak Husin, Pok Nik Mat dan sebagainya. Hanya mereka yang masih lagi meneruskan perjuangan dalam wayang kulit. Hal ini demikian kerana golongan muda pada masa sekarang tidak lagi meminati budaya tradisi yang ada di negeri kita ini. Mereka lebih berminat kepada dunia pemodenan daripada terus memelihara khazanah warisan negara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab 5 ini, pengkaji akan menceritakan tentang kesimpulan daripada hasil yang dikaji. Terdapat pelbagai masalah serta perubahan dalam seni persembahan wayang kulit. Perkara ini disebabkan pelbagai faktor. Selain itu juga, pengkaji akan menghuraikan tentang saranan bagi membuktikan objektif yang dibuat tercapai matlamatnya.

Antara masalah yang dimaksudkan adalah wayang kulit dalam arus pemodenan. Perubahan yang paling dirasai oleh sesetengah tok dalang adalah apabila berlakunya perubahan pucuk pimpinan dalam kerajaan Kelantan. Kerajaan Kelantan sekarang tidak lagi mengeluarkan permit-permit untuk persembahan wayang kulit di tempat-tempat umum seperti persembahan di kampung-kampung atau majlis-majlis yang tertentu. Tetapi pihak kerajaan Kelantan membenarkan wayang kulit dimainkan di satu tempat iaitu di Gelanggang Seni. Perkara ini menyebabkan kumpulan wayang kulit di Kelantan kian malap atau sekadar hanya tinggal nama sahaja. Apatah lagi kerajaan Kelantan juga pernah mengharamkan kumpulan wayang kulit memainkan versi asal cerita wayang kulit. Sebaliknya mereka haruslah menukarkan kepada versi baru seperti cerita Hang Tuah, Tok Janggut, Mat Kilau, Wok Yoh dan banyak lagi. Pada 15 Jun 1999, berkuat kuasa mengikut Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan 1998 menggariskan 16 jenis hiburan yang dikawal oleh kerajaan Kelantan

termasuklah wayang kulit, Mak yong, main puteri, dan banyak lagi. Kesenian tradisi adalah hiburan yang dilarang dan dikawal oleh kerajaan Negeri. Pihak penganjur masih boleh memohon untuk menganjurkannya namun terpulang kepada budi bicara pegawai perlesenan untuk meluluskannya ataupun tidak.

Larangan ini bukan sahaja terhad kepada persembahan untuk wayang kulit malah hampir kesemua seni persembahan melayu tradisional negeri Kelantan. Larangan-larangan ini yang dibuat oleh pihak kerajaan Kelantan banyak mempengaruhi struktur persembahan wayang kulit tradisional kepada wayang kulit moden. Selain itu, hampir keseluruhan kumpulan wayang kulit yang terdapat di negeri Kelantan sudah menukar jalan cerita serta watak-watak wayang kulit kepada wayang kulit moden. Terdapat sesetengah kumpulan wayang kulit yang masih mengekalkan warisan tradisi sejak zaman-berzaman iaitu kumpulan wayang kulit Pak Usop dan juga wayang kulit daripada Pak Nasir. Mereka merupakan tokoh tok dalang yang masih meneruskan budaya tradisi. Mereka juga cukup pantang jika terdapat sesetengah kumpulan wayang kulit yang memasukkan unsur-unsur moden. Menurut mereka lagi kumpulan seperti itu yang merosakkan budaya melayu kita. Di samping itu juga, mereka berpendapat bahawa sekiranya terdapat sesetengah pihak yang menukar cerita-cerita wayang kulit kepada cerita yang moden, maka wayang kulit itu akan hilang keasliannya. Generasi muda juga tidak akan mengenali dan mengetahui cerita asal wayang kulit yang diwarisi oleh nenek moyang kita sejak turun temurun lagi.

Seterusnya apabila berlakunya perperangan, malapetaka, krisis ekonomi dan politik dunia juga mempengaruhi persembahan wayang kulit. Hal ini demikian kerana menurut Pak Usop, jika keadaan politik yang tidak stabil turut memberi impak yang negatif. Contohnya pihak kerajaan tidak mengizinkan persembahan wayang kulit diadakan di negara-negara luar seperti dulu kerana bimbangkan faktor keselamatan. Perkara ini dapat dibuktikan lagi apabila selepas tahun 2002, Pak Usop tidak lagi menerima undangan untuk membuat persembahan di luar negara. Manakala dari segi kemajuan penggunaan media massa pula, menurut Pak Nasir ada baik dan ada buruknya. Hal ini kerana penggunaan seperti televisyen, CD, komputer, serta kewujudan pusat-pusat hiburan menyebabkan generasi sekarang tidak lagi mengenali permainan-permainan tradisional atau kebudayaan tradisional. Contohnya seperti wayang kulit, dikir barat, kertuk, gasing yang pada zaman dahulu merupakan hiburan utama masyarakat Melayu kita. Selain itu, dengan terciptanya media-media hiburan serta budaya-budaya baru seperti hip hop, rock, pop rock, blues, heavy metal dan pelbagai lagi. Perkara ini akan menyebabkan kebudayaan tradisional masyarakat Melayu tenggelam dan dipinggirkan akibat kemasukan budaya tradisional yang begitu rancak.

Namun begitu, Pak Usop dan Pak Nasir mengatakan bahawa penggunaan internet memberi impak yang positif kepada kebudayaan tradisi ini. Contohnya ia dapat mempromosikan serta memperkenalkan kebudayaan Malaysia di mata dunia. Misalnya menurut Pak Usop, terdapat seorang pelancong dari luar negara sanggup datang ke rumahnya semata-mata ingin mengetahui tentang wayang kulit. Hal ini

kerana pelancong tersebut telah membaca tentang nama Pak Usop dalam internet. Selain itu juga, dengan internet juga semua maklumat yang kita inginkan akan ada dengan hanya melayari dan membuka laman web-laman web yang berkaitan dengan tajuk yang kita inginkan. Kebaikan lain dalam penggunaan internet adalah negara-negara luar dapat mengetahui serta mendapatkan maklumat tentang kebudayaan negara kita seperti wayang kulit, dikir barat, mak yong, menora dan banyak lagi. Semua budaya tradisi itu boleh didapati dalam internet.

Seterusnya dengan adanya kemunculan CD-CD dan video-video, ia membolehkan persembahan wayang kulit dirakamkan serta dijual kepada sesiapa yang berminat untuk membelinya. Kebaikan CD dan video adalah pusaka orang-orang Melayu boleh disimpan serta dirakamkan untuk tatapan generasi akan datang. Walaupun terdapat sedikit sebanyak penciptaan alat-alat canggih mengganggu perhatian orang ramai terhadap kebudayaan tradisional yang menjadi hiburan masyarakat pada zaman dahulu. Pak Nasir ada memuji peranan yang dimainkan oleh sesetengah universiti tempatan dengan memperkenalkan wayang kulit menjadi salah satu matapelajaran yang diajar kepada sesiapa yang berminat. Perkara dapat dibuktikan apabila di tempat Pak Nasir bekerja, terdapat satu matapelajaran yang wajib untuk para pelajar dalam mempelajarinya. Maksud matapelajaran yang dimaksudkan adalah seni persembahan wayang kulit yang wajib diambil pada semester satu.

Seterusnya generasi zaman sekarang dapat mengenali serta mengetahui tentang wayang kulit seperti cara-cara wayang kulit dibuat, alat-alat wayang kulit serta bagaimana wayang kulit ini dipersembahkan. Setidak-tidaknya golongan muda pada masa akan datang yang bakal menjadi pemimpin masyarakat dan negara masih lagi mengenali wayang kulit. Mereka juga dapat menyedari tentang kepentingannya dan apa yang lebih penting ianya dapat mengetengahkan warisan Melayu ini pada masa hadapan. Bak kata pepatah “ditelan dek zaman tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”.

Di samping itu juga, terdapat perbezaan yang agak ketara wayang kulit dahulu dengan wayang kulit sekarang. Antaranya adalah dari segi persembahan. Menurut kedua-dua tok dalang ini iaitu Pak Usop dan Pak Nasir, pada zaman dahulu persembahan wayang kulit akan memakan masa sampai dua atau tiga bulan dalam menyiapkan satu-satu cerita tetapi pada masa sekarang ianya bergantung kepada masa yang diberikan oleh pihak pengajur. Manakala dari segi cerita pula, Pak Usop dan Pak Nasir tetap dengan pendiriannya dengan membawakan cerita-cerita tradisional seperti hanuman kera besi, anak laksamana dalam mimpi, hanuman kera putih, lahirnya puteri sita dewi dan banyak lagi. Bagi mereka, cerita-cerita lama ini masih lagi mendapat permintaan dalam kalangan pelancong-pelancong asing dan juga masyarakat kita sendiri. Dari segi tempat persembahan juga, ianya lebih selesa jika hendak dibandingkan dengan zaman dahulu. Jika dulu, persembahan wayang kulit ini hanya dipersembahkan di bangsal-bangsal yang kecil sahaja dengan ditemani oleh

lampu gasolin. Tetapi pada masa sekarang persembahan wayang kulit ini dibuat di dalam dewan ataupun di tempat-tempat yang lebih kemas dan teratur.

Terdapat pelbagai saranan yang boleh dihurai daripada bab 1 iaitu pengenalan, bab 2 adalah kajian literatur, bab 3 adalah tentang kajian metodologi, bab 4 adalah dapatan kajian dan bab akhir iaitu bab 5 tentang kesimpulan. Antaranya adalah persembahan wayang kulit ini haruslah dipertahankan daripada ditenggalami arus kepupusan. Perkara ini dapat dibuktikan apabila seni persembahan ini tidak lagi diminati oleh golongan muda. Ianya tidak sama pada zaman dahulu kerana golongan muda pada zaman dahulu suka mempelajari seni persembahan melayu seawal umur belasan tahun. Contohnya Pak Usop mula mahir dalam wayang kulit sejak umur 9 tahun lagi. Pada masa itu Pak Usop sudah pandai dalam membuat patung-patung wayang kulit. Berlainan pula dengan Pak Nasir, beliau mula berkecimpung dalam seni persembahan wayang kulit sejak umur 10 tahun lagi. Pada masa itu, Pak Nasir telah mempunyai titisan darah tok dalang pertama Kelantan iaitu Tok Mok Erok. Sejak daripada itu, beliau melibatkan diri dalam persembahan wayang kulit ke merata tempat.

Selain itu, saranan lain adalah tokoh-tokoh tok dalang haruslah mewarisi ilmu perdalangannya kepada generasi akan datang. Hal ini kerana sejak dulu lagi ramai pengkaji yang mengatakan bahawa tok dalang di negara kita semakin pupus. Jadi bagi mempertahankan pengekalan tok dalang wayang kulit ini, mereka haruslah menurunkan ilmunya kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahui tentang wayang kulit. Dengan adanya situasi seperti ini, nescaya tok dalang yang ada pada

masa kini tidak akan ditenggelami oleh kepupusan. Hal ini demikian kerana selepas seseorang tok dalang meninggal dunia, ilmu perdalangannya akan terus diamalkan dan dikekalkan jika beliau menurunkan ilmunya kepada anak-anak muridnya. Contohnya Pak Nasir yang sentiasa berkongsi ilmu dengan pelajar-pelajarnya tentang ilmu wayang kulit. Begitu juga Pak Usop yang sentiasa mencerah ilmu kepada para pelancong asing dan juga masyarakat kita sendiri yang pergi berguru dengannya.

Saranan seterusnya adalah ilmu yang diwarisi haruslah disampaikan dalam pelbagai bentuk. Ianya bukan sahaja boleh disampaikan dari mulut ke mulut malah ilmu ini juga boleh dipelajari dengan kaedah teknologi yang ada pada masa sekarang. Contohnya video-video tentang wayang kulit dibuat dalam bentuk cakera padat, dibukukan, sistem pembelajaran dan macam-macam lagi. Hal ini demikian kerana minat seseorang bergantung kepada kehendak masing-masing. Contohnya generasi muda pada masa kini perlu diajar dalam keadaan yang perlahan kerana jiwa remaja mudah memberontak. Begitu juga kepada sesiapa yang mempelajari ilmu wayang kulit ini, mereka haruslah sabar dalam mengecapi sesuatu.

Sama ada kita sedar atau tidak, seni persembahan wayang kulit pada masa kini semakin dipinggirkan serta dilupakan oleh masyarakat Melayu. Begitu juga dengan budaya warisan yang lain seperti dikir barat, menora, mak yong dan banyak lagi. Kewujudannya tanpa diambil peduli oleh sesetengah pihak dan tanpa ada rasa tanggungjawab dalam menjaga dan memeliharanya. Perasaan rugi akan menyelubungi kita sekiranya khazanah pusaka nenek moyang kita terkubur suatu hari nanti tanpa adanya usaha dalam memelihara serta mewujudkan generasi pelapis yang bakal

mewarisinya nanti. Apatah lagi hanya terdapat segelintir sahaja tok dalang yang masih aktif dalam wayang kulit. Terutama sekali adalah Pak Usop dan Pak Nasir yang merupakan tok dalang wayang kulit pada masa kini. Sehingga ke hari ini, mereka belum menpunyai pelapis yang betul-betul boleh menggantikannya pada suatu hari nanti. Selain itu, hanya mereka yang masih mempersembahkan cerita-cerita lama sehingga ke hari ini dan masih kurang golongan muda yang ingin mencuba dalam mempelajari serta mendalami ilmu daripadanya.

Cuma satu harapan mereka supaya seni persembahan wayang kulit ini terus dikekalkan serta mendapat pengiktirafan di seluruh dunia daripada dipinggirkan oleh masyarakat kita pada hari ini. Begitu juga dengan harapan saya agar wayang kulit ini tetap kekal dan subur di mata dan hati masyarakat dengan adanya usaha-usaha dalam terus mengangkat serta memartabatkan seni warisan budaya tradisi kita daripada ditenggalami oleh arus pemodenan yang semakin mencabar pada masa sekarang.

BIBLIOGRAFI

- Asmad. (1990). *Seni Lagu dan Permainan Tradisi: Associated Educational Distributor (M) Sdn. Bhd.*
- Fieda (2003). *Siri Permainan Tradisional Melayu : Permainan Wayang Kulit*. Kuala Lumpur: Oak Enterprise.
- Ghulam Sarwar (1999). *Angin Wayang: Biografi Dalang Wayang Kulit Yang Unggul: Hamzah Awang Amat*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Osnes, B. (2010). *The Shadow Puppet Theatre of Malaysia*. North Carolina: Mc Farland.
- Matusky, P. (1993). *Malaysian Shadow Play and Music: Continuity Of An Oral Tradition*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Matusky, P, Hamzah Awang Hamat. (1998). *Muzik Wayang Kulit Kelantan: The Asian Centre*.
- _____ (1980). *Wayang Kulit Malaysia*. Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Sweeney, A. (1980). *Malay Shadow Puppets: The Trustees Of The British Museum*: British Publications Ltd London.

TEMURAMAH

- 1) Yusof Bin Mamat, 19 Februari 2011.
- 2) Awang Bin Mat Ali, 19 Februari 2011.
- 3) Che Mohd Nasir Bin Yusoff , 2 Disember 2011.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN